



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan
Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi


Negeri Kedah

Tahun 2012



DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

**Penyata Kewangan Kerajaan Negeri
Dan Pengurusan Kewangan
Jabatan/Agensi
NEGERI KEDAH**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	9
Akaun Hasil Disatukan	12
Akaun Pinjaman Disatukan	22
Akaun Amanah Disatukan	24
Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	35
Penyata Prestasi Kewangan	36
Penyata Akaun Memorandum	37
Akaun Belum Terima	43
Peristiwa Penting Semasa Tahun Kewangan	44
Rumusan Dan Syor Audit	44
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	47
Rumusan	50
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	53
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri	53
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	54

PERKARA	MUKA SURAT
Objektif Pengauditan	54
Skop Dan Metodologi Pengauditan	55
Kawalan Utama	55
Penemuan Audit	66
Pemeriksaan Audit Mengejut	73
Latar Belakang	73
Objektif Pengauditan	74
Skop Dan Metodologi Pengauditan	74
Penemuan Audit	74
Syor Audit	76
BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	81
Pengauditan Penyata Kewangan	81
Kedudukan Penerimaan Penyata Kewangan	82
Pengesahan Penyata Kewangan	83
Pembentangan Penyata Kewangan	84
Prestasi Kewangan	85
Syor Audit	99
BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri	103
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	103
PENUTUP	107
LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	111
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	112
III Penyata Kedudukan Kewangan	113
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	114
V Penyata Prestasi Kewangan	116
VI Penyata Akaun Memorandum	117
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	118



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2012 adalah tahun keenam pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. AI diberi penarafan berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia boleh membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaikseperti **Cepat, Tepat dan Berintegriti**.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2012 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2012. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2012, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.


3. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat.

4. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengubah asas perakaunan yang diamalkan sekarang iaitu Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan mulai tahun 2015. Perakaunan Akruan mengiktiraf dan merekodkan semua urus niaga pada masa ia berlaku. Selain itu, ianya menghendaki semua aset Kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup berserta semua jenis liabiliti Kerajaan ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Pelaksanaan dasar Perakaunan Akruan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan Transformasi Sektor Awam bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri hendaklah memantapkan lagi Pengurusan Kewangan di peringkat Jabatan/Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan inventori sebagai persediaan awal ke arah tersebut. Justeru itu, pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat perlu dipertingkatkan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Kedah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
31 Julai 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan adalah mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2012 secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Pada tahun 2012, baki Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan penurunan ketara iaitu sejumlah RM83.16 juta atau 33% kepada RM169.20 juta berbanding RM252.36 juta pada tahun 2011. Kerajaan Negeri mengalami defisit sejumlah RM38.62 juta setelah gagal mengimbangi perbelanjaan dengan hasil. Hasil yang diperolehi pada tahun 2012 berjumlah RM418.46 juta berkurangan sejumlah RM58.27 juta atau 12.2% berbanding RM476.73 juta pada tahun 2011. Manakala perbelanjaan mengurus juga turut berkurangan sejumlah RM17.26 juta atau 3.6% daripada RM474.34 juta pada tahun 2011 kepada RM457.08 juta pada tahun 2012. Ini menyebabkan baki defisit Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM295.84 juta pada tahun 2011 meningkat 13.1% kepada RM334.46 juta pada tahun 2012. Kedudukan baki wang tunai Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM85.16 juta atau 44.1% daripada RM193.22 juta pada tahun 2011 kepada RM108.06 juta pada tahun 2012 berikutan Deposit Dalam Negeri jangka pendek berjumlah RM73 juta dicairkan dan penurunan baki di bank berjumlah RM10.40 juta. Pelaburan di Penyata Memorandum Aset telah berkurangan sejumlah RM20.05 juta pada tahun 2012 berbanding pada tahun 2011. Akaun Belum Terima pula menunjukkan peningkatan pada tahun 2012 sejumlah RM19.77 juta. Begitu juga baki hutang awam masih tinggi iaitu berjumlah RM2.60 bilion.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Bagi menjayakan RMKe-10, sejumlah RM3.43 bilion siling peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang telah diagihkan kepada 9 Jabatan. Bagaimanapun pada tahun 2012, siling peruntukan RMKe-10 telah disemak semula kepada RM3.55 bilion. Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-10 pada tahun 2012 adalah kurang memuaskan. Sehingga 31 Disember 2012, perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM235.62 juta atau 56.1% daripada RM420.03 juta peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 185 projek atau 83% daripada 223 projek telah

disiapkan. Manakala 6 projek atau 2.7% sedang dilaksanakan dan 32 projek atau 14.3% masih belum bermula.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI


4. Pada tahun 2012, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 19 Jabatan/Agensi Negeri. Indeks Akauntabiliti dilaksanakan dengan memberi penarafan berdasarkan tahap pematuhan kepada peraturan Kerajaan dan elemen pengurusan kewangan yang disemak terdiri daripada kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman serta penyata kewangan tahunan. Pengauditan terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti pada tahun 2012 mendapat 7 Jabatan/Agensi Negeri berada di tahap sangat baik, 10 Jabatan/Agensi berada di tahap baik dan 2 Jabatan/Agensi Negeri lain berada di tahap memuaskan. Berbanding pada tahun 2011, sebanyak 17 Jabatan/Agensi telah diaudit di mana 3 Jabatan/Agensi mendapat tahap sangat baik, 12 Jabatan/Agensi telah mendapat taraf baik dan 2 Jabatan/Agensi mendapat taraf memuaskan. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2012 adalah baik.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Pada tahun 2013, Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 21 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah merupakan yang terakhir diaudit dan telah disahkan serta dikeluarkan sijil Audit yang terdiri daripada 20 Sijil Tanpa Teguran dan 1 Sijil Berteguran. Selain itu, Penyata Kewangan Majlis Daerah Kubang Pasu masih belum diterima walaupun beberapa peringatan telah dikeluarkan. Penyata yang disediakan belum mendapat kelulusan Mesyuarat Penuh Majlis kerana Yang DiPertua Majlis belum dilantik. Pada tahun 2012 hanya 14 Penyata Kewangan daripada 22 Agensi yang diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit. Selain itu, 10 Penyata Kewangan tahun 2010 dan 2011 agensi yang telah disahkan masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah tahun 2011 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 20 November 2012. Sehingga 27 Mei 2013, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah mengadakan mesyuarat sebanyak 1 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah tahun 2010 dan 2011 pada 22 Januari 2013.



BAHAGIAN I

Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 kepada Jabatan Audit Negara pada **31 Januari 2013**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2012 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Sejak tahun kewangan 2011, Kerajaan Negeri telah menggunakan piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak – 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan bagi menggantikan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (2004) selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berdasarkan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dan surplus daripada Kumpulan Wang Disatukan dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan terimaan dan bayaran bagi tahun 2012. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Bayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, pinjaman dalam negeri dan bayaran lain seperti bayaran amanah.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan surplus atau defisit hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Terimaan Bayaran Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan Pelbagai Liabiliti.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2012. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pemerhatian Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2012 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VII.**



BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2012 juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan serta kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2012 berjumlah RM169.20 juta. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Amaun ini adalah dalam bentuk wang tunai berjumlah RM108.06 juta dan pelaburan berjumlah RM61.14 juta. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan mengalami penurunan sejumlah RM83.16 juta atau 33.0% menjadi RM169.20 juta pada tahun 2012 berbanding RM252.36 juta pada tahun 2011. Penurunan ini adalah disebabkan ketiga-tiga Kumpulan Wang mengalami penyusutan. Baki Akaun Hasil Disatukan menurun sejumlah RM38.62 juta atau 13.1% berbanding pada tahun 2011. Akaun Amanah Disatukan pula mengalami penurunan sejumlah RM35.89 juta atau 7.0% berbanding pada tahun 2011. Akaun Pinjaman Disatukan juga turut mengalami penurunan sejumlah RM8.65 juta atau 23.9% berbanding pada tahun 2011. Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-295.84	-334.46	-38.62	13.1
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	36.18	27.53	-8.65	-23.9
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	512.02	476.13	-35.89	-7.0
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	-498.08	-618.28	-120.20	24.1
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-722.70	-796.61	-73.91	10.2
	• <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	124.14	108.64	-15.50	-12.5
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	100.48	69.69	-30.79	-30.6
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	798.14	875.95	77.81	9.7
	<i>iii) Akaun Deposit</i>	211.96	218.46	6.50	3.1
	Jumlah	252.36	169.20	-83.16	-33.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Trend kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh 5 tahun menunjukkan trend menurun. Pada tahun 2010, Kumpulan Wang Disatukan mengalami peningkatan tetapi kembali mengalami penurunan pada tahun 2011 dan 2012. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2010 dan yang terendah adalah pada tahun 2012. Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-257.84	-320.73	-298.23	-295.84	-334.46
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	32.83	34.76	77.08	36.18	27.53
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	477.70	551.49	549.43	512.02	476.13
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	-243.17	-271.56	-378.12	-498.08	-618.28
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-555.65	-616.64	-664.26	-722.70	-796.61
	• <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	144.91	144.91	124.14	124.14	108.64
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	167.57	200.17	162.00	100.48	69.69
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	511.83	596.92	709.26	798.14	875.95
	<i>iii) Akaun Deposit</i>	209.04	226.13	218.29	211.96	218.46
	Jumlah	252.69	265.52	328.28	252.36	169.20

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai aset Kerajaan Negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai di dalam akaun semasa dan Deposit Dalam Negeri di bank (simpanan tetap yang disimpan kurang daripada 3 bulan). Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Manakala Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas yang diberi kepada pemegang panjar untuk pendahuluan perbelanjaan. Mengikut Penyata Kewangan, baki wang tunai pada 31 Disember 2012 berjumlah RM108.06 juta terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM104.12 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM3.92 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM0.02 juta.

4.3.1.2. Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2012 menunjukkan penurunan berjumlah RM85.16 juta atau 44.1% menjadi RM108.06 juta berbanding RM193.22 juta pada tahun 2011. Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan penurunan tertinggi iaitu RM83.39 juta atau 44.5% berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh pengurangan baki akaun semasa sejumlah RM10.40 juta dan sejumlah RM73 juta Deposit Dalam Negeri telah dicairkan. Kedudukan baki wang tunai pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Baki Wang Tunai Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	187.51	104.12	-83.39	-44.5
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	5.66	3.92	-1.74	-30.7
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.05	0.02	-0.03	-60.0
Jumlah		193.22	108.06	-85.16	-44.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.1.3. Baki wang tunai Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Wang Tunai Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	34.43	21.93	248.47	187.51	104.12
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	14.52	38.68	24.65	5.66	3.92
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.02	0.13	0.03	0.05	0.02
Jumlah		48.97	60.74	273.15	193.22	108.06

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala Pelaburan Am adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.3.2.2. Baki pelaburan Kerajaan Negeri Kedah pada akhir tahun 2012 berjumlah RM61.14 juta meningkat sejumlah RM2 juta atau 3.4% berbanding RM59.14 juta pada tahun 2011. Analisis perbandingan menunjukkan peningkatan adalah disebabkan penambahan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM2 juta melalui Pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am pula tidak menunjukkan perubahan. Pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Pelaburan Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.00	2.00	2.00	100.0
	a) Deposit Dalam Negeri	0.00	2.00	2.00	100.0
2.	Pelaburan Am	59.14	59.14	0.00	0.0
	a) Deposit Dalam Negeri	39.00	39.00	0.00	0.0
	b) Saham	20.14	20.14	0.00	0.0
Jumlah		59.14	61.14	2.00	3.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2.3. Deposit Dalam Negeri pada tahun 2012 melibatkan pelaburan di 4 buah bank. Pada tahun 2012, Deposit Dalam Negeri bagi pelaburan Kumpulan Wang Amanah menunjukkan peningkatan sejumlah RM2 juta atau 100%. Manakala Deposit Dalam Negeri bagi Pelaburan Am tidak menunjukkan perubahan iaitu sejumlah RM39 juta.

4.3.2.4. Pelaburan Saham terdiri daripada pelaburan dalam Petronas Dagangan (Petronas), Amanah Saham Kedah (ASK) dan Malaysia Airports Berhad (MAB). Nilai buku dan pegangan saham Kerajaan Negeri pada tahun 2012 tidak berubah iaitu berjumlah RM20.14 juta seperti di **Jadual 4.6**. Sijil-sijil saham tersebut didaftarkan di atas nama State Secretary Incorporated (SSI) sebagai pengurus kepada saham milikan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, saham ini tidak diuruskan oleh SSI sebaliknya diuruskan oleh Perbendaharaan Negeri Kedah sejak tarikh pemilikan saham-saham tersebut iaitu masing-masing pada tahun 1994, 1997 dan 1999.

Jadual 4.6

Pelaburan Saham Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Pelaburan Saham	Nilai Buku	Nilai Buku	Perubahan	
		Pada 31.12.2011 (RM Juta)	Pada 31.12.2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Amanah Saham Kedah	7.09	7.09	0.00	0.0
2.	Malaysia Airports Berhad	10.25	10.25	0.00	0.0
3.	Petronas Dagangan	2.80	2.80	0.00	0.0
Jumlah		20.14	20.14	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2.5. Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Kedah bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7

Pelaburan Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah:	23.72	20.78	20.14	0.00	2.00
	a) Sekuriti Kerajaan Malaysia	0.45	0.25	0.00	0.00	0.00
	b) Saham Dan Syer	23.27	20.53	20.14	0.00	0.00
	c) Deposit Dalam Negeri	0.00	0.00	0.00	0.00	2.00
2.	Pelaburan Am:	180.00	184.00	35.00	59.14	59.14
	a) Deposit Dalam Negeri	180.00	184.00	35.00	39.00	39.00
	b) Saham	0.00	0.00	0.00	20.14	20.14
Jumlah		203.72	204.78	55.14	59.14	61.14

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3.2.6. Analisis Audit mendapati keuntungan daripada pelaburan Am pada tahun 2012 menunjukkan sedikit penurunan sejumlah RM0.52 juta atau 6.4% menjadi RM7.65 juta berbanding RM8.17 juta pada tahun 2011. Penurunan ini adalah disebabkan penyusutan keuntungan daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri dan pelaburan Saham. Keuntungan Deposit Dalam Negeri telah menurun sejumlah RM0.12 juta menjadi RM5.72 juta pada tahun 2012 berbanding RM5.84 juta pada tahun 2011. Keuntungan pelaburan Saham juga telah menurun sejumlah RM0.40 juta menjadi RM1.93 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.33 juta pada tahun 2011. Keuntungan pelaburan Saham diperolehi daripada agihan keuntungan saham Malaysia Airports Berhad berjumlah

RM0.65 juta dan Petronas Dagangan berjumlah RM1.28 juta. Keuntungan pelaburan Am pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.8**. Manakala kedudukan keuntungan pelaburan Am bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.9**. Hasil keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan dalam Malaysia Airports Berhad dan Petronas Dagangan berjumlah RM1.93 juta pada tahun 2012 tidak diperakaunkan sebagai hasil Kerajaan Negeri sebaliknya diperakaunkan sebagai hasil Akaun Amanah SSI berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bertarikh 22 Februari 2011 walaupun pelaburan ini adalah daripada lebihan Akaun Hasil Disatukan.

Jadual 4.8

Keuntungan Pelaburan Am Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
a) Deposit Dalam Negeri	5.84	5.72	-0.12	-2.1
b) Saham	2.33	1.93	-0.40	-17.2
Jumlah	8.17	7.65	-0.52	-6.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Penyata Terimaan Dan Bayaran SS/

Jadual 4.9

Keuntungan Pelaburan Am Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Butiran	Tahun				
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
a) Deposit Dalam Negeri	4.70	3.29	3.79	5.84	5.72
b) Sekuriti Kerajaan Malaysia	0.00	0.01	0.00	0.00	0.00
c) Saham	0.73	1.24	1.60	2.33	1.93
Jumlah	5.43	4.54	5.39	8.17	7.65

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2012 dengan defisit semasa berjumlah RM38.62 juta berbanding surplus berjumlah RM2.39 juta pada tahun 2011. Defisit ini adalah disebabkan perbelanjaan mengurus berjumlah RM457.08 juta melebihi kutipan hasil berjumlah RM418.46 juta. Dengan defisit semasa ini, baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat dari RM295.84 juta pada tahun 2011 kepada RM334.46 juta pada tahun 2012. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
	Baki Pada 1 Januari	-298.23	-295.84	2.39	-0.8
	Hasil	476.73	418.46	-58.27	-12.2
1.	Hasil Cukai	258.92	227.42	-31.50	-12.2
2.	Hasil Bukan Cukai	56.41	59.87	3.46	6.1
3.	Terimaan Bukan Hasil	161.40	131.17	-30.23	-18.7
	Perbelanjaan	474.34	457.08	-17.26	-3.6
1.	Emolumen	159.84	178.58	18.74	11.7
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	106.79	111.95	5.16	4.8
3.	Aset	10.74	11.42	0.68	6.3
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	184.63	144.90	-39.73	-21.5
5.	Perbelanjaan Lain	12.34	10.23	-2.11	-17.1
	Surplus/Defisit	2.39	-38.62	-41.01	-1,715.9
	Baki Pada 31 Disember	-295.84	-334.46	-38.62	13.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.2. Prestasi Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri Kedah bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.11** dan **Carta 4.1**.

Jadual 4.11
Baki Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
	Baki Pada 1 Januari	-188.03	-257.84	-320.73	-298.23	-295.84
	Hasil	357.95	368.27	456.21	476.73	418.46
1.	Hasil Cukai	203.98	188.97	273.90	258.92	227.42
2.	Hasil Bukan Cukai	56.99	50.42	56.13	56.41	59.87
3.	Terimaan Bukan Hasil	96.98	128.88	126.18	161.40	131.17
	Perbelanjaan	427.76	431.16	433.71	474.34	457.08
1.	Emolumen	157.37	157.45	152.21	159.84	178.58
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	105.38	94.62	95.61	106.79	111.95
3.	Aset	13.43	4.96	9.58	10.74	11.42
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	144.79	165.61	167.03	184.63	144.90
5.	Perbelanjaan Lain	6.79	8.52	9.28	12.34	10.23
	Surplus/Defisit	-69.81	-62.89	22.50	2.39	-38.62
	Baki Pada 31 Disember	-257.84	-320.73	-298.23	-295.84	-334.46

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.1
Trend Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2008 Hingga Tahun 2012



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3. Hasil


Hasil Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai adalah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hasil Bukan Cukai adalah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula adalah kutipan yang bukan berdasarkan mana-mana akta atau perundangan. Kerajaan Negeri menganggarkan RM550.84 juta kutipan hasil pada tahun 2012. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip adalah berjumlah RM418.46 juta iaitu menurun sejumlah RM58.27 juta atau 12.2% berbanding tahun 2011 berjumlah RM476.73 juta. Pada tahun 2012, butiran Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil menunjukkan penurunan antara RM30.23 juta hingga RM31.50 juta atau 12.2% hingga 18.7% seperti di **Jadual 4.12** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.12
Kutipan Hasil Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	258.92	227.42	-31.50	-12.2
2.	Hasil Bukan Cukai	56.41	59.87	3.46	6.1
3.	Terimaan Bukan Hasil	161.40	131.17	-30.23	-18.7
Jumlah		476.73	418.46	-58.27	-12.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.2
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.1. Hasil Cukai

Hasil Cukai pada tahun 2012 telah mencatatkan penurunan berjumlah RM31.50 juta menjadi RM227.42 juta berbanding tahun 2011 berjumlah RM258.92 juta. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan Tahun 2012, penurunan kutipan Hasil Cukai adalah disebabkan hasil Premium Hutan berkurangan sejumlah RM41.99 juta atau 56.0% berbanding tahun 2011. Pengurangan ini sekaligus memberi kesan kepada penurunan prestasi keseluruhan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2012. Di sebalik pengurangan tersebut, kutipan hasil Premium Tanah telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM4.88 juta atau 13.7% menjadi RM40.60 juta berbanding RM35.72 juta pada tahun 2011. Cukai Tanah semasa juga mencatatkan peningkatan sejumlah RM2.51 juta atau 2.4% menjadi RM107.08 juta berbanding RM104.57 juta pada tahun 2011. Selain itu, Royalti Pengeluaran Bahan Batuan juga meningkat sejumlah RM2.43 juta menjadi RM20.38 juta berbanding RM17.95 juta pada tahun 2011.

4.4.3.2. Hasil Bukan Cukai

Hasil Bukan Cukai pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM3.46 juta menjadi RM59.87 juta berbanding tahun 2011 berjumlah RM56.41 juta. Peningkatan ini disebabkan pertambahan hasil daripada Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah dan Bayaran-bayaran lain masing-masing berjumlah RM2.54 juta dan RM1.16 juta.

4.4.3.3. Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil telah mencatatkan penurunan berjumlah RM30.23 juta kepada RM131.17 juta pada tahun 2012 berbanding RM161.40 juta pada tahun 2011. Terimaan Bukan Hasil bagi butiran Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan dan Pelbagai Pemberian Dan Caruman masing-masing mengalami penurunan kepada RM33.06 juta dan RM8.20 juta pada tahun 2012 berbanding RM60.63 juta dan RM24.50 juta pada tahun 2011.

4.4.3.4. Peningkatan Dan Penurunan Hasil Ketara Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Butiran hasil yang mengalami peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.13** dan **Jadual 4.14**.

Jadual 4.13

Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Hasil Cukai						
1.	Premium Tanah	35.72	40.60	4.88	13.7	Kenaikan pendapatan Bayaran premium dalam tahun 2012 disebabkan oleh peningkatan bayaran premium yang dibayar bagi permohonan tanah kerajaan untuk tapak Perumahan Awam Kos Rendah.
2.	Royalti Pengeluaran Bahan Batuan	17.95	20.38	2.43	13.5	Peningkatan disebabkan bayaran royalti galian bijih besi diambil kira sebagai royalti bahan batu.
Hasil Bukan Cukai						
3.	Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah	19.57	22.11	2.54	13.0	Pertambahan kelulusan pengeluaran geran atau tukar syarat.
4.	Bayaran-bayaran lain	0.69	1.85	1.16	168.1	Peningkatan ketara oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri sejumlah RM1.05 juta bagi bayaran lesen import eksport dan ternakan yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
Terimaan Bukan Hasil						
5.	Terimaan Daripada Anak Syarikat Negeri Kedah (PKNK)	-	10.00	10.00	100.0	Terimaan sumbangan daripada anak syarikat iaitu Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah SB dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).
6.	Caruman Penjawatan Perkhidmatan Dan Bekalan Serta Aset	0.31	7.01	6.70	2,161.3	Pelarasan caruman perjawatan perkhidmatan dan bekalan serta aset bagi

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
	Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Raya					kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya dari Kumpulan Wang Pembangunan.
7.	Caruman Untuk Bayaran Pinjaman	6.20	10.26	4.06	65.5	Pelarasan baki pokok ke atas bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.
Jumlah		80.44	112.21	31.77	39.5	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.14

Penurunan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Hasil Cukai						
1.	Premium Hutan	74.92	32.93	-41.99	-56.0	Kawasan pembalakan yang diluluskan kurang daripada tahun 2011. Pada tahun 2012 seluas 8,542 hektar berbanding 12,909 hektar pada tahun 2011.
Hasil Bukan Cukai						
2.	Sewa Chalet/Bangunan /Rumah Rehat/Kantin	0.94	0.20	-0.74	-78.7	Pengurangan kutipan paling ketara oleh Pejabat SUK sejumlah RM0.76 juta menjadi RM0.20 juta berbanding RM0.94 juta pada tahun 2011.
3.	Bayaran Pejabat Tanah (Sebarang Permohonan)	4.16	3.54	-0.62	-14.9	Pengurangan kutipan oleh Pejabat Tanah Kulim sejumlah RM0.62 juta menjadi RM0.94 juta berbanding RM1.56 juta pada tahun 2011.
Terimaan Bukan Hasil						
4.	Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan	60.63	33.06	-27.57	-45.5	Bayaran perkhidmatan kepada kakitangan negeri dalam melaksanakan projek kerajaan persekutuan tahun 2011.
5.	Pelbagai Pemberian Dan Caruman	24.50	8.20	-16.30	-66.5	Tujuan hapus kira hutang pinjaman Projek Dewan Undangan Negeri bagi tahun 2012.
6.	Terimaan Balik Bayaran Tahun-tahun Lalu	8.40	1.88	-6.52	-77.6	Tiada lagi pelarasan cek terbatal tahun-tahun lalu ke akaun hasil dan pelarasan keuntungan simpanan tetap yang tersilap masuk ke kod amanah.
7.	Wang Tak Dituntut	2.33	0.10	-2.23	-95.7	Tiada lagi pelarasan cek luput tarikh seperti tahun 2011.
Jumlah		175.88	79.91	-95.97	-54.6	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan terdiri daripada Cukai Tanah, Premium Tanah, Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan, Premium Hutan dan Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM241.78 juta atau 57.8% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2012 berbanding kutipan berjumlah RM303.69 juta atau 63.7% dalam tahun 2011 seperti di **Jadual 4.15**. Manakala trend kutipan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.16**. Kutipan Cukai Tanah merupakan penyumbang terbesar dengan kutipan berjumlah RM497.34 juta bagi tempoh tersebut dan diikuti oleh Premium Hutan dan Premium Tanah yang masing-masingnya berjumlah RM217.58 juta dan RM188.44 juta.

Jadual 4.15

Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2011 Dan Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun			
		2011 (RM Juta)	(%)	2012 (RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	104.57	21.9	107.08	25.6
2.	Premium Tanah	35.72	7.5	40.60	9.7
3.	Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan	60.63	12.7	33.06	7.9
4.	Premium Hutan	74.92	15.7	32.93	7.9
5.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	27.85	5.8	28.11	6.7
Jumlah		303.69	63.7	241.78	57.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.16

Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	96.26	85.37	104.06	104.57	107.08
2.	Premium Tanah	27.37	26.63	58.12	35.72	40.60
3.	Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan	0.00	0.00	43.82	60.63	33.06
4.	Premium Hutan	28.14	33.05	48.54	74.92	32.93
5.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	26.58	26.92	27.27	27.85	28.11
Jumlah		178.35	171.97	281.81	303.69	241.78

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4. Perbelanjaan Mengurus

4.4.4.1. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan ini diperakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 98, 100, 101, 102 dan 104 Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 13 Akta Tatacara Kewangan 1957. Mengikut peruntukan tersebut juga Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti peruntukan Diraja, Speaker Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, hutang kerajaan, pampasan, pencen dan ganjaran.

Manakala Perbelanjaan Bekalan adalah perbelanjaan bagi membiayai kegiatan harian Jabatan di Negeri. Pada tahun 2012, sejumlah RM589.80 juta peruntukan Perbelanjaan Mengurus telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri termasuk peruntukan tambahan berjumlah RM19.05 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM49.05 juta peruntukan Perbelanjaan Tanggungan kepada 5 Maksud Perbelanjaan telah diluluskan. Manakala sejumlah RM540.75 juta peruntukan Perbelanjaan Bekalan telah diluluskan di bawah 41 Maksud Perbelanjaan kepada 37 Jabatan. Perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2012 adalah berjumlah RM457.08 juta iaitu 77.5% daripada jumlah anggaran perbelanjaan yang diluluskan. Perbandingan anggaran perbelanjaan dengan perbelanjaan mengurus sebenar adalah seperti **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17

Perbandingan Anggaran Perbelanjaan Dengan Perbelanjaan Mengurus Sebenar Bagi Tahun 2012

Bil.	Perbelanjaan	Anggaran Disemak (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Emolumen	226.61	178.58	78.8
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	124.07	111.95	90.2
3.	Aset	13.91	11.42	82.1
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	209.07	144.90	69.3
5.	Perbelanjaan Lain	16.14	10.23	63.4
Jumlah		589.80	457.08	77.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.2. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Kedah secara keseluruhannya menurun sejumlah RM17.26 juta atau 3.6% iaitu daripada RM474.34 juta pada tahun 2011 kepada RM457.08 juta pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati 3 kategori perbelanjaan menunjukkan peningkatan antara RM0.68 juta hingga RM18.74 juta atau 4.8% hingga 11.7%. Emolumen menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu sejumlah RM18.74 juta atau 11.7% diikuti Perkhidmatan dan Bekalan yang meningkat sejumlah RM5.16 juta atau 4.8% serta Aset yang meningkat sejumlah RM0.68 juta atau 6.3%. Manakala 2 kategori perbelanjaan menunjukkan penurunan di mana Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap menunjukkan penurunan ketara sejumlah RM39.73 juta atau 21.5% diikuti Perbelanjaan lain yang menurun sejumlah RM2.11 juta atau 17.1%. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18

Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Perbelanjaan	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	159.84	178.58	18.74	11.7
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	106.79	111.95	5.16	4.8
3.	Aset	10.74	11.42	0.68	6.3
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	184.63	144.90	-39.73	-21.5
5.	Perbelanjaan Lain	12.34	10.23	-2.11	-17.1
Jumlah		474.34	457.08	-17.26	-3.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.3. Perubahan Perbelanjaan Yang Ketara Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Antara butiran perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan dan penurunan ketara pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19

Peningkatan/Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan		Punca
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Peningkatan						
1.	Gaji dan Upahan	102.95	117.73	14.78	14.4	Kenaikan gaji tahunan sebanyak 13% dan pembayaran imbuhan tahunan RM1,000 atau sebulan gaji kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2012.
2.	Elaun Tetap	41.78	43.86	2.08	5.0	Peningkatan pembayaran Elaun Sara Hidup.
3.	Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	50.61	52.27	1.66	3.3	Peningkatan bayaran bagi butiran perbelanjaan perkhidmatan latihan kakitangan, bayaran gaji, imbuhan tetap dan bonus kepada pekerja sementara.
Penurunan						
4.	Pemberian Dalam Negeri	139.42	113.27	-26.15	-18.8	Penurunan adalah disebabkan oleh pengurangan Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM1.50 juta pada tahun 2012 berbanding RM46.49 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun terdapat peningkatan dalam Pemberian Kepada Agensi-agensi Kerajaan berjumlah RM25.40 juta berbanding tahun 2011.
5.	Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain	34.42	22.32	-12.10	-35.2	Pengurangan faedah dan dividen yang dibayar atas pinjaman sejumlah RM16.30 juta berbanding tahun 2011. Bagaimanapun terdapat peningkatan bayaran balik pinjaman dalam negeri sejumlah RM4.20 juta berbanding pada tahun 2011.
Jumlah		369.18	349.45	-19.73	-5.3	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.4. Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012


Kedudukan perbelanjaan mengurus dalam tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.20** dan **Carta 4.3**. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2011 adalah yang ke 2 tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.20
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Emolumen	157.37	157.45	152.21	159.84	178.58
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	105.38	94.62	95.61	106.79	111.95
3.	Aset	13.43	4.96	9.58	10.74	11.42
4.	Pemberian Dan Kenaan Tetap	144.79	165.61	167.03	184.63	144.90
5.	Perbelanjaan Lain	6.79	8.52	9.28	12.34	10.23
Jumlah		427.76	431.16	433.71	474.34	457.08

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.3
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Pada tahun 2012, bayaran di bawah AP58(a) adalah berjumlah RM0.66 juta berbanding RM0.63 juta pada 2011. Pembayaran di bawah AP58(a) sebahagian besarnya adalah untuk bayaran Perhubungan Dan Utiliti, Emolumen dan Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti. Jabatan yang mencatat perbelanjaan tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM0.15 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21**Jabatan/Pejabat Yang Membuat Bayaran Di Bawah AP58(a)****Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011**

Bil.	Jabatan/Pejabat	2011		2012	
		Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)	Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	106	0.42	50	0.15
2.	Dewan Undangan Negeri Dan MMK	29	0.06	55	0.13
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	16	0.04	57	0.12
4.	Jabatan Kerja Raya	9	0.01	32	0.11
5.	Jabatan Perhutanan	17	0.01	26	0.04
6.	Jabatan Pertanian	-	-	3	0.01
7.	Lain-lain Jabatan	54	0.08	115	0.11
Jumlah Besar		231	0.63	338	0.66

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Kedah

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan Kerajaan Negeri Kedah mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek seperti Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Pelbagai. Selain itu, Akaun ini juga mengakaunkan pinjaman yang diagihkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

4.5.2. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2012 menurun sejumlah RM8.65 juta atau 23.9% iaitu dari RM36.18 juta pada tahun 2011 kepada RM27.53 juta pada tahun 2012. Baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan mengikut kategori pinjaman pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22**Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011**

Bil.	Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	28.72	25.59	-3.13	-10.9
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	5.52	0.00	-5.52	-100.0
3.	Pelbagai	1.94	1.94	0.00	0.0
Jumlah		36.18	27.53	-8.65	-23.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.3. Mengikut Enakmen Pinjaman Kerajaan Negeri Kedah, jumlah had pinjaman yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM2.50 bilion bagi tujuan Rancangan Bekalan Air, PAKR, PKNK dan Pelbagai. Secara keseluruhannya pinjaman terkumpul yang telah diterima sehingga akhir tahun 2011 berjumlah RM2.21 bilion iaitu tidak melebihi had pinjaman yang dibenarkan oleh Enakmen tersebut. Bagaimanapun pinjaman yang diterima bagi PKNK telah melebihi had yang dibenarkan sejumlah RM51.33 juta. Had pinjaman bagi PKNK ini adalah mengikut Enakmen Pinjaman (Kawasan-kawasan Perusahaan) (Pindaan)

Tahun 2008. Permohonan tambahan kepada had pinjaman tersebut daripada RM300.00 juta kepada RM500.00 juta telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah pada 7 November 2012 melalui Kertas No. 6(F) 336/2012. Sehingga ke tarikh pengauditan, permohonan tambahan ini belum dibentangkan untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri Kedah. Kedudukan pinjaman berbanding had dibenarkan adalah seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23

Kedudukan Pinjaman Terkumpul Berbanding Had Dibenarkan Bagi Tahun 2012

Bil.	Pinjaman	Had Dibenarkan (RM Juta)	Jumlah Terkumpul Diterima (RM Juta)	Baki Had Dibenarkan (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	2,000.00	1,710.88	289.12
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	80.00	52.97	27.03
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	300.00	351.33	-51.33
4.	Pelbagai	120.00	90.00	30.00
Jumlah		2,500.00	2,205.18	294.82

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.4. Sejumlah RM16.90 juta telah diterima dalam tahun semasa bagi pinjaman Bekalan Air dan sejumlah RM25.55 juta telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air. Tiada terimaan bagi pinjaman PAKR, PKNK dan Pelbagai dalam tahun 2012. Kedudukan terimaan dan pindahan di Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24

**Kedudukan Terimaan Dan Pindahan Akaun Pinjaman Disatukan
Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011**

Pinjaman	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	77.08	36.18	-40.90	-53.1
Terimaan	23.20	16.90	-6.30	-27.2
Pindahan	64.10	25.55	-38.55	-60.1
Baki Pada 31 Disember	36.18	27.53	-8.65	-23.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.5. Mengikut **Piawaian Perakaunan Kerajaan 5 (PPK5)** pinjaman yang diambil untuk tujuan pembangunan dan perumahan yang telah dikreditkan ke Akaun Pinjaman Disatukan perlu dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan masing-masing. Analisis Audit mendapati sejumlah RM27.53 juta baki pinjaman masih belum dipindahkan pada akhir tahun 2012. Sejumlah RM13.68 juta adalah baki pinjaman yang diterima pada tahun semasa manakala sejumlah RM13.85 juta adalah baki pinjaman yang diterima pada tahun sebelumnya. Baki pinjaman yang belum dipindahkan merupakan pinjaman bagi membiayai projek yang dijalankan oleh Pihak Bekalan Air. Bagaimanapun, pinjaman hanya akan dipindahkan apabila tuntutan bayaran pelaksanaan kerja diterima daripada Pihak Bekalan Air. Kedudukan baki pinjaman yang belum dipindahkan mengikut jenis pinjaman dan tahun pinjaman diterima adalah seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25**Kedudukan Baki Pinjaman Yang Belum Dipindahkan Sehingga 31 Disember 2012**

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman Belum Dipindahkan (RM Juta)	Tahun Pinjaman
1.	Rancangan Bekalan Air	11.91	2011 dan tahun sebelumnya.
		13.68	2012.
2.	Pelbagai	1.94	Sebelum 2005.
	Jumlah	27.53	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.6. Baki pinjaman bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 yang belum dipindahkan adalah seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26**Baki Pinjaman Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012 Yang Belum Dipindahkan**

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	25.37	27.30	29.62	28.72	25.59
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	5.52	5.52	5.52	5.52	0.00
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	0.00	0.00	40.0	0.00	0.00
4.	Pelbagai	1.94	1.94	1.94	1.94	1.94
	Jumlah	32.83	34.76	77.08	36.18	27.53

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Bagi Akaun Amanah Awam, semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2012 berjumlah RM476.13 juta menurun sejumrah RM35.89 juta atau 7.0% berbanding RM512.02 juta pada tahun 2011. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

Jadual 4.27**Baki Akaun Amanah Disatukan Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-498.08	-618.28	-120.20	24.1
	• Kumpulan Wang Pembangunan	-722.70	-796.61	-73.91	10.2
	• Kumpulan Wang Bekalan Air	124.14	108.64	-15.50	-12.5
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	100.48	69.69	-30.79	-30.6
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	798.14	875.95	77.81	9.7
3.	Akaun Deposit	211.96	218.46	6.50	3.1
	Jumlah	512.02	476.13	-35.89	-7.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.1. Analisis Audit menunjukkan penurunan baki Kumpulan Wang Amanah Disatukan sejumlah RM35.89 juta pada tahun 2012 adalah disebabkan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengalami penurunan sejumlah RM120.20 juta atau 24.1% menjadi defisit RM618.28 juta berbanding defisit RM498.08 juta pada tahun 2011. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sejumlah RM77.81 juta atau 9.7% menjadi RM875.95 juta pada tahun 2012 berbanding RM798.14 juta pada tahun 2011. Manakala Baki Akaun Deposit menunjukkan sedikit peningkatan sejumlah RM6.50 juta atau 3.1% menjadi RM218.46 juta. Kedudukan baki akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28
Baki Akaun Amanah Disatukan Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Butiran	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-243.17	-271.56	-378.12	-498.08	-618.28
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	511.83	596.92	709.26	798.14	875.95
3.	Akaun Deposit	209.04	226.13	218.29	211.96	218.46
Baki Pada 31 Disember		477.70	551.49	549.43	512.02	476.13

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran dari kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

4.6.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada sumber Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Terimaan daripada sumber negeri adalah pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, Bayaran Balik Pinjaman dari Agensi Negeri dan Sewa Rumah Awam Kos Rendah. Manakala terimaan daripada sumber Kerajaan Persekutuan adalah pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II dan pindahan dari Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri. Perbelanjaan daripada kumpulan wang ini pula adalah mengikut maksud yang ditetapkan oleh Akta Kumpulan Wang ini sahaja.

a. Prestasi Terimaan Berbanding Pembayaran Kumpulan Wang Pembangunan

Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan meningkat menjadi RM796.61 juta pada tahun 2012 berbanding RM722.70 juta pada akhir tahun 2011. Peningkatan baki defisit ini berlaku kerana terimaan sebenar berjumlah RM141.68 juta adalah kurang daripada perbelanjaan sebenar berjumlah RM215.59 juta. Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29

Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Perkara	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-664.26	-722.70	-58.44	8.8
Terimaan	203.08	141.68	-61.40	-30.2
Bayaran	261.52	215.59	-45.93	-17.6
Defisit	-58.44	-73.91	-15.47	26.5
Baki Pada 31 Disember	-722.70	-796.61	-73.91	10.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

b. Prestasi Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan

Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan menurun sejumlah RM61.40 juta menjadi RM141.68 juta pada tahun 2012 berbanding RM203.08 juta pada tahun 2011. Analisis Audit mendapati sumber terimaan yang mencatat penurunan berbanding tahun 2011 adalah pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II, dan Sewa Rumah Awam Kos Rendah. Manakala 3 sumber terimaan mencatat peningkatan iaitu Terimaan Balik Pinjaman, pindahan dari Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri dan Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup. Analisis Audit selanjutnya mendapati terimaan pada tahun 2012 menurun antaranya disebabkan pindahan dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan masing-masing menurun sejumlah RM44.99 juta dan RM40 juta berbanding pada tahun 2011. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30**Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	46.49	1.50	-44.99	-96.8
2.	Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	40.00	0.00	-40.00	-100.0
3.	Pindahan Dari Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri	57.97	82.26	24.29	41.9
4.	Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	23.96	24.41	0.45	1.9
5.	Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	19.99	16.62	-3.37	-16.9
6.	Sewa Rumah Awam Kos Rendah	8.47	7.28	-1.19	-14.2
7.	Terimaan Balik Pinjaman	6.20	9.61	3.40	55.0
Jumlah		203.08	141.68	-61.40	-30.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

c. Prestasi Perbelanjaan Sebenar Kumpulan Wang Pembangunan Berbanding Peruntukan Diterima

- i. Prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2012 berjumlah RM215.59 juta atau 83.2% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan berjumlah RM259.03 juta. Semua peruntukan yang diluluskan ini telah diterima oleh semua Jabatan berkenaan melalui waran yang dikeluarkan. Peratus perbelanjaan di peringkat Jabatan adalah di antara 51.7% hingga 97.4% seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2012**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	88.40	67.49	76.4
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	43.00	29.20	67.9
3.	Jabatan Kerja Raya	84.10	81.88	97.4
4.	Jabatan Pertanian	13.18	11.52	87.4
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6.00	3.10	51.7
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	15.35	14.22	92.6
7.	Jabatan Perhutanan	8.00	7.49	93.6
8.	Pengarah Tanah Dan Galian	1.00	0.69	69.0
Jumlah		259.03	215.59	83.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- ii. Jabatan Kerja Raya telah mencatatkan prestasi perbelanjaan sehingga 97.4% kerana telah membelanjakan sejumlah RM81.88 juta daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM84.10 juta bagi 12 projek. Berdasarkan maklum balas Jabatan, 10 projek telah siap dilaksanakan dan 2 projek belum mula.

4.6.2.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1) Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri 1980 (Akta 230). Sumber kewangan Kumpulan Wang ini pada tahun 2012 terdiri daripada pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan dan pindahan dari Akaun Hasil Disatukan. Jabatan Bekalan Air Negeri Kedah telah dikorporatkan pada bulan Januari 2010 dan menjadi entiti yang berasingan daripada Kerajaan Negeri. Perbelanjaan diperakaunkan di dalam Kumpulan Wang Pembangunan adalah merupakan bayaran penyelesaian bagi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan sebelum pengkorporatan. Pada tahun 2012, Kumpulan Wang Bekalan Air telah mencatatkan defisit semasa berjumlah RM15.50 juta berbanding tiada surplus atau defisit pada tahun 2011. Baki defisit berlaku kerana terimaan sebenar hanya berjumlah RM21.53 juta berbanding perbelanjaan sebenar berjumlah RM37.03 juta. Defisit ini menyebabkan baki Kumpulan Wang ini merosot kepada RM108.64 juta berbanding RM124.14 juta pada tahun 2011. Kumpulan Wang Pembangunan Bekalan Air pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.32**.

Jadual 4.32
Kumpulan Wang Bekalan Air Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Perkara	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	124.14	124.14	0.00	0.0
Terimaan	24.09	21.53	-2.56	-10.6
Bayaran	24.09	37.03	12.94	53.7
Surplus/Defisit	0.00	-15.50	-15.50	-100.0
Baki Pada 31 Disember	124.14	108.64	-15.50	-12.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan tahun 2012 mengandungi 12 akaun terdiri daripada 5 Akaun Penyelesaian, 1 Akaun Perniagaan, 4 Akaun Pinjaman, 1 akaun Kumpulan Wang Luar Jangka dan 1 Akaun Pelbagai Kumpulan Wang. Analisis Audit menunjukkan pada akhir tahun 2011, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini berjumlah RM69.69 juta berbanding RM100.48 juta pada tahun 2011 iaitu menurun sejumlah RM30.79 juta atau 30.6%. Analisis Audit terhadap 12 akaun tersebut mendapati penurunan ketara adalah disebabkan pengurangan Akaun Kena Bayar di bawah Akaun Penyelesaian sejumlah RM25.07 juta atau 40.5% pada tahun 2012 menjadi RM36.78 juta berbanding RM61.85 juta pada tahun 2011. Selain itu, penurunan juga berpunca daripada pengurangan Akaun Penyelesaian Perbendaharaan Negeri sejumlah RM12.48 juta menjadi RM3.03 juta berbanding RM15.51 juta pada tahun 2011. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.33**.

Jadual 4.33

**Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	81.79	44.74	-37.05	-45.3
2.	Akaun Perniagaan	0.74	1.35	0.61	82.4
3.	Akaun Pinjaman	3.49	3.60	0.11	3.2
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	14.46	20.00	5.54	38.3
Jumlah		100.48	69.69	-30.79	-30.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


- a. **Akaun Kena Bayar** - Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap perbelanjaan tahun semasa yang telah disempurnakan tetapi pembayaran belum sempat dilakukan pada akhir tahun 2012. Semua pembayaran perbelanjaan di bawah Akaun Kena Bayar (AKB) ini perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Mengikut Penyata Kewangan tahun 2012, baki Akaun Kena Bayar berjumlah RM36.78 juta berbanding RM61.85 juta pada tahun 2011. Baki tersebut telah berkurangan sejumlah RM25.07 juta atau 40.5%. Baki Akaun Kena Bayar pada tahun 2012 terdiri daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Analisis Audit mendapati 17 Jabatan mengalami peningkatan manakala 19 Jabatan mengalami penurunan. Jabatan yang mempunyai baki tertinggi dalam Akaun Kena Bayar bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.34**. Manakala kedudukan AKB bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Carta 4.4**.

Jadual 4.34

Jabatan Mencatat AKB Tertinggi Pada Tahun 2012 Berbanding 2011

Bil.	Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	0.72	3.77	3.05	423.6
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	0.21	0.54	0.33	157.1
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi	0.07	0.32	0.25	357.1
4.	Pejabat Tanah Kuala Muda	0.01	0.26	0.25	2,500.0
5.	Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan	0.07	0.31	0.24	342.9
6.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.03	0.24	0.21	700.0
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah Sik	0.03	0.15	0.12	400.0
8.	Pejabat Tanah Kulim	0.05	0.17	0.12	240.0
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	0.12	0.22	0.10	83.3
10.	Pejabat Tanah Kubang Pasu	0.01	0.09	0.08	800.0
Jumlah		1.32	6.07	4.75	359.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.4**Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

b. Akaun Pendahuluan Pelbagai

Peruntukan yang diluluskan bagi Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai berjumlah RM0.80 juta. Pada tahun 2012, pendahuluan pelbagai yang telah dikeluarkan berjumlah RM0.76 juta melibatkan 31 pendahuluan kepada 4 Jabatan. Baki Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai pada tahun 2012 berjumlah RM0.56 juta manakala baki Pendahuluan Pelbagai yang boleh dituntut pada 31 Disember 2011 berjumlah RM0.24 juta melibatkan 12 pendahuluan yang masih belum selesai. Kesemua pendahuluan pelbagai ini telah tertunggak di antara 3 hingga 19 tahun. Amaun tertunggak ini juga tidak dilaporkan dalam Laporan ABT selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 di bawah penjenisan Tunggakan Hutang-Hutang Lain. Analisis Audit terhadap pendahuluan pelbagai mengikut Jabatan mendapati permohonan paling tinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM0.46 juta atau 60.5%, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah berjumlah RM0.24 juta atau 31.6%. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.35**. Analisis Audit mendapati perkara seperti berikut:

- Kelulusan khas bagi kadar yang tidak ditetapkan oleh mana-mana peraturan atau Pekeliling Perbendaharaan tidak dilampirkan bersama permohonan Pendahuluan Pelbagai.
- Perbelanjaan kursus sepatutnya dibayar mengikut peraturan perolehan kursus yang berkuatkuasa tetapi dibayar melalui Pendahuluan Pelbagai menyebabkan peraturan perolehan kursus tidak dipatuhi.

- iii. Tuntutan perjalanan sepatutnya dibayar daripada Pendahuluan Diri bagi tujuan mengawal bayaran balik oleh peminjam dan mengelak tuntutan dua kali dibuat tetapi dibayar melalui Pendahuluan Pelbagai.

Jadual 4.35

Pendahuluan Pelbagai Mengikut Jabatan/Pejabat Tahun 2012

Bil	Jabatan/Pejabat	Jumlah (RM Juta)	Perbelanjaan (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	0.46	60.5
2.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah	0.24	31.6
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah	0.05	6.6
4.	Jabatan Mufti Negeri Kedah	0.01	1.3
Jumlah		0.76	100.0

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Kedah

4.6.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

4.6.3.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri dan tidak boleh terlebih dikeluarkan. Baki bagi 43 akaun melibatkan 8 Pegawai Pengawal di Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2012 berjumlah RM875.95 juta berbanding RM798.14 juta pada akhir tahun 2011 iaitu meningkat sejumrah RM77.81 juta atau 9.7% seperti di **Jadual 4.36**. Peningkatan ini adalah disebabkan baki 15 akaun meningkat sejumrah RM850.22 juta manakala 16 akaun mengalami penurunan sejumrah RM16.99 juta.

Jadual 4.36

Baki Kumpulan Wang Amanah Awam Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Pegawai Pengawal/Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah	765.19	845.31	80.12	10.5
2.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	20.70	14.22	-6.48	-31.3
3.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	0.15	0.19	0.04	26.7
4.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	1.43	1.38	-0.05	-3.5
5.	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	7.03	9.89	2.86	40.7
6.	Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah	3.42	4.39	0.97	28.4
7.	Pejabat KDYMM Sultan Kedah Darul Aman	0.12	0.47	0.35	291.7
8.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	0.10	0.10	0.00	0.0
Baki Pada 31 Disember		798.14	875.95	77.81	9.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.3.2. Empat akaun baharu ditubuhkan pada tahun 2012 menunjukkan baki pada 31 Disember 2012 berjumlah RM7.65 juta seperti di **Jadual 4.37**.

Jadual 4.37
Baki Akaun Amanah Baharu Ditubuhkan Pada 31 Disember 2012

Bil.	Akaun Amanah	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Baki Pada 31.12.2012 (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Dana Pembinaan Istana Kedah di Bukit Malut, Langkawi	3.00	0.00
2.	Akaun Amanah DYTM Tuanku Raja Muda dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Negeri Kedah	0.15	0.15
3.	Akaun Amanah Pembaikan Istana Anak Bukit dan Rumah VIP	3.00	3.00
4.	Akaun Amanah Penyelesaian Kes-kes Mahkamah	4.50	4.50
Jumlah		10.65	7.65

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.3.3. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan

- a. Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan pada tahun 1994 mengikut Seksyen 9 (3) Akta Tatacara Kewangan 1957 bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini diterima berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 109 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkusa Tempatan. Berdasarkan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), panjang jalan-jalan negeri di Negeri Kedah pada tahun 2012 adalah 8,190.11 kilometer. Pada tahun 2012, baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan berjumlah RM809.64 juta berbanding RM733.49 juta pada tahun 2011. Pertambahan sejumlah RM76.15 juta ini adalah disebabkan pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM158.41 juta berbanding bayaran semasa berjumlah RM82.26 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.38**.

Jadual 4.38
Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan
Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	640.14	733.49	93.35	14.6
Terimaan	151.32	158.41	7.09	4.7
Bayaran	57.97	*82.26	24.29	41.9
Baki Pada 31 Disember	733.49	809.64	76.15	10.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: * Termasuk RM19.77 juta pelarasan bagi penyelenggaraan jalanraya dalam kawasan Pihak Berkusa Tempatan yang belum diambil kira bagi tahun 2003 hingga 2010.

- b. Pada tahun 2012, anggaran perbelanjaan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri untuk penyelenggaraan jalan negeri termasuk Penyelenggaraan Jalanraya Dalam Kawasan Penyelenggaraan Pihak Berkusa Tempatan berjumlah RM62.50 juta di bawah anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Pada akhir tahun 2012, sejumlah RM62.49 juta dipelaraskan ke Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM60.50 juta

merupakan perbelanjaan penyelenggaraan jalan negeri melibatkan 8 JKR Daerah iaitu Ibu Pejabat, Daerah Kota Setar, Daerah Kuala Muda/Sik, Daerah Kulim/Bandar Baru, Daerah Kubang Pasu, Daerah Baling, Daerah Langkawi dan Daerah Pendang/Yan. Manakala baki RM1.99 juta adalah perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Peratus perbelanjaan bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah di antara 35.1% hingga 51.9% berbanding terimaan daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 meningkat setiap tahun seperti di **Jadual 4.39**.

Jadual 4.39

**Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan
Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012**

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Pelarasan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Anggaran (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan Berbanding Terimaan (%)
2008	380.69	126.29	44.36	-	462.62	45.00	35.1
2009	462.62	134.83	50.31	-	547.14	50.32	37.3
2010	547.14	147.57	54.57	-	640.14	54.60	37.0
2011	640.14	151.32	57.97	-	733.49	58.00	38.3
2012	733.49	158.41	62.49	*19.77	809.64	62.50	51.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: * Pelarasan bagi penyelenggaraan jalanraya dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang belum diambil kira bagi tahun 2003 hingga 2010.

- c. Mengikut keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara (MKN), Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya hendaklah ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Kumpulan Wang ini di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan manakala semua transaksi bayaran dilakukan di bawah Perbelanjaan Pembangunan.

4.6.3.4. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Seksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957, bertujuan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan Negeri. Punca kewangan bagi Kumpulan Wang Pembangunan Hutan adalah melalui kutipan ses kayu balak. Pada tahun 2012, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM2.86 juta atau 40.7% menjadi RM9.89 juta berbanding RM7.03 juta pada tahun 2011. Pada tahun 2012 hasil kutipan ses kayu balak adalah sejumlah RM3.33 juta meliputi seluas 1,800 hektar kawasan penebangan balak. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.40**.

Jadual 4.40**Urusniaga Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Tahun 2012**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki pada 1 Januari	4.76	7.03	2.27	47.7
Penerimaan	3.60	3.33	-0.27	-7.5
Pembayaran	1.33	0.47	-0.86	-64.7
Baki Pada 31 Disember	7.03	9.89	2.86	40.7

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran

- b. Seksyen 59 (4) Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Arahan Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan menyatakan Akaun ini hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada setiap tahun. Semakan Audit mendapati akaun amanah ini tidak pernah dibentangkan sejak penubuhannya pada tahun 1991. Adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Perhutanan Negeri sebagai Pegawai Pengawal memberi sesalinan Akaun kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

4.6.3.5. Akaun Amanah State Secretary Incorporated (SSI)

Tujuan penubuhan Akaun Amanah SSI adalah untuk melaksanakan aktiviti, acara dan program berkaitan kemasyarakatan. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pada tahun 2012 baki akaun ini meningkat sejumlah RM1.61 juta atau 24.0% kepada RM8.05 juta berbanding RM6.45 juta pada tahun 2011. Terimaan pada tahun 2012 berjumlah RM2.53 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM0.92 juta. Analisis Audit mendapati 3 sumber terimaan paling tinggi adalah dividen daripada Petronas Dagangan Berhad berjumlah RM1.28 juta dan Malaysia Airport Holdings Berhad berjumlah RM0.65 juta serta Sewa Rumah Penginapan Negeri (The Lanai Langkawi Beach Resort) berjumlah RM0.60 juta. Mengikut Perjanjian Pengurusan di antara Kerajaan Negeri Kedah dan Ratnasari Hotels And Resort Management Sdn. Bhd. (pihak pengurusan The Lanai Beach Resort), hasil sewa bulanan berjumlah RM45,833 perlu dibayar kepada Kerajaan Negeri sehingga Januari 2013. Oleh itu, bayaran hasil sewaan sepatutnya dikreditkan ke Hasil Kerajaan Negeri. Perkara yang sama juga berlaku terhadap pelaburan Kerajaan Negeri dalam Petronas Dagangan Berhad dan Malaysia Airport Holdings Berhad di mana dividen tahunan daripada kedua-dua pelaburan tersebut dikreditkan ke Akaun Amanah SSI.

4.6.4. Akaun Deposit

Akaun Deposit merupakan wang yang diterima bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Pada akhir tahun 2012, Kerajaan Negeri mempunyai 11 Akaun Deposit yang diselenggarakan oleh 25 Jabatan. Analisis Audit menunjukkan baki deposit pada tahun 2012 telah meningkat sejumlah RM6.50 juta atau 3.1% menjadi RM218.46 juta berbanding tahun 2011 berjumlah RM211.96 juta seperti di **Jadual 4.41**. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan Deposit Tanah sejumlah RM6.78 juta atau 6.1% kepada

RM117.48 juta berbanding RM110.70 juta pada tahun 2011. Pertambahan deposit yang paling ketara di Pejabat Tanah Langkawi melibatkan deposit premium tanah di mana baki pada tahun 2012 berjumlah RM24.78 juta meningkat sejumlah RM9.70 juta atau 64.3% berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM15.08 juta. Semakan Audit mendapati sejumlah RM5 juta telah dibayar kepada Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) bagi perbelanjaan operasi Syarikat tersebut. Pihak Audit berpendapat wang tersebut tidak sepatusnya dibayar untuk maksud perbelanjaan lain selain daripada bayaran balik deposit. Kerajaan Negeri perlu menggantikan semula wang yang telah dibayar kepada SADA ke akaun Deposit bagi tujuan bayaran balik deposit di masa hadapan.

Jadual 4.41
Baki Akaun Deposit Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	3.84	3.88	0.04	1.0
2.	Deposit Tender	30.13	34.07	3.94	13.1
3.	Cagaran Kantin	0.01	0.01	0.00	0.0
4.	Wang Jaminan Perlaksanaan	14.37	11.18	-3.19	-22.2
5.	Deposit Tanah	110.70	117.48	6.78	6.1
6.	Deposit Bon Jaminan Mahkamah Syariah	0.74	0.80	0.06	8.1
7.	Deposit Royalti Kayu Kayan	1.58	1.17	-0.41	-25.9
8.	Deposit Sewa Rumah Awam Kos Rendah	2.49	2.51	0.02	0.8
9.	Akaun Cagaran Bekalan Air	47.51	46.51	-1.00	-2.1
10.	Deposit Ujian Meter	0.01	0.01	0.00	0.0
11.	Deposit Galian	0.58	0.84	0.26	44.8
Jumlah		211.96	218.46	6.50	3.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

4.7.1. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang berkuatkuasa mulai tahun kewangan 2011. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh 3 bulan atau kurang yang mudah ditukar kepada wang tunai. Aliran masuk wang tunai terdiri daripada terimaan hasil, terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, terimaan modal dan terimaan lain (amanah). Manakala aliran keluar pula terdiri daripada bayaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain (amanah). Sumber dana Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2012 berjumlah RM280.99 juta terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mencatatkan defisit wang tunai berjumlah RM85.16 juta berbanding defisit RM79.93 juta pada tahun 2011. Defisit wang tunai pada tahun 2012 menyebabkan baki wang tunai pada akhir tahun 2012 menurun RM85.16 juta. Kedudukan aliran penerimaan dan pembayaran wang tunai pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.42**.

Jadual 4.42
Aliran Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai
Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Wang Tunai Pada 1 Januari	273.15	193.22	-79.93	-29.3
Jumlah Penerimaan	1,076.34	951.72	-124.62	-11.6
Jumlah Pembayaran	1,156.27	1,036.88	-119.39	-10.3
Defisit	-79.93	-85.16	-5.23	6.5
Baki Wang Tunai Pada 31 Disember	193.22	108.06	-85.16	-44.1

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7.2. Terimaan Kerajaan Negeri pada tahun 2012 adalah berjumlah RM951.72 juta menurun sejumrah RM124.46 juta atau 11.6% berbanding RM1,076.34 juta pada tahun 2011. Komponen terbesar daripada jumlah terimaan ini adalah Hasil yang berjumlah RM418.46 juta atau 44% daripada keseluruhan jumlah terimaan. Bayaran Kerajaan Negeri pada tahun 2012 pula adalah sejumrah RM1,036.88 juta menurun sejumrah RM119.39 juta atau 10.3% berbanding RM1,156.27 juta pada tahun 2011. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah perbelanjaan mengurus berjumlah RM457.09 juta atau 44.1% daripada keseluruhan jumlah bayaran.

4.7.3. Penerimaan dan pembayaran wang tunai pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.43**.

Jadual 4.43
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Terimaan:	1,076.34	951.72	-676.73	-11.0
	<i>Hasil</i>	476.73	418.46	-58.27	-12.2
	<i>Pinjaman</i>	23.20	16.90	-6.30	-27.2
	<i>Terimaan Modal</i>	163.07	143.18	-19.90	-12.2
	<i>Terimaan Lain (Amanah)</i>	413.34	373.18	-40.16	-9.7
2.	Bayaran:	1,156.27	1,036.88	-671.50	-10.8
	<i>Perbelanjaan Mengurus</i>	474.34	457.09	-17.25	-3.6
	<i>Perbelanjaan Pembangunan*</i>	279.41	242.36	-37.05	-13.3
	<i>Perbelanjaan Modal</i>	4.00	2.00	-2.00	-50.0
	<i>Bayaran Balik Pinjaman</i>	6.20	10.26	4.06	65.5
	<i>Bayaran Lain (Amanah)</i>	392.32	325.17	-67.15	-17.1
	Defisit Wang Tunai	-79.93	-85.16	-5.23	6.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Nota: * Termasuk Perbelanjaan Pembangunan Bekalan Air

4.8. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.8.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan surplus atau defisit hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam

Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

4.8.2. Pada tahun 2012, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit berjumlah RM280.98 juta dengan peningkatan defisit RM3.96 juta atau 1.4% berbanding defisit RM277.02 juta pada tahun 2011. Hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM418.46 juta pada tahun 2012 manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM699.44 juta. Hasil Kerajaan Negeri menurun RM58.27 juta atau 12.2% menjadi RM418.46 juta pada tahun 2012 berbanding RM476.73 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM457.08 juta, menurun RM17.26 juta atau 3.6% berbanding RM474.34 juta pada tahun 2011 manakala perbelanjaan pembangunan menurun RM37.05 juta atau 13.3% menjadi RM242.36 juta berbanding RM279.41 juta pada tahun 2011. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2012 dan 2011 adalah seperti di **Jadual 4.44**.

Jadual 4.44

Kedudukan Prestasi Kewangan Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	476.73	418.46	-58.27	-12.2
Perbelanjaan Mengurus	474.34	457.08	-17.26	-3.6
Perbelanjaan Pembangunan	279.41	242.36	-37.05	-13.3
Defisit	-277.02	-280.98	-3.96	1.4
Defisit Dibiayai Oleh:				
Pinjaman Dalam Negeri	17.00	6.64	-10.36	-60.9
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	163.08	143.17	-19.91	-12.2
Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah	96.94	131.17	34.23	35.3
Jumlah	277.02	280.98	3.96	1.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Akaun memorandum menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset dan liabiliti ini boleh dilupuskan atau perlu dilunaskan pada masa akan datang.

4.9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Badan-badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sumber pinjaman ini diperolehi oleh Kerajaan Negeri menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Sehingga tahun 2012, Agensi Negeri yang menerima pinjaman daripada Kerajaan Negeri adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumblah RM9.61 juta atau 2.6% iaitu daripada RM363.90 juta pada tahun 2011 kepada RM354.29 juta pada tahun 2012. Selain itu, baki terhutang oleh Majlis Bandaraya Alor Setar pula menjadi sifar apabila amaun pinjaman berjumlah RM0.61 juta termasuk faedah telah dikontrakan dengan hutang oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Bandaraya Alor Setar bagi

tujuan pengambilan tanah Projek Rumah Pangsa Kg. Batin berjumlah RM1.71 juta. Bagaimanapun, amaun yang terhutang oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Bandaraya Alor Setar setelah dikontra berjumlah RM1.09 juta tidak ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan Negeri pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.45**.

Jadual 4.45

Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	363.34	354.29	-9.05	-2.5
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	0.56	0.00	-0.56	-100
Jumlah		363.90	354.29	-9.61	-2.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.1. Baki pinjaman boleh dituntut bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.46**.

Jadual 4.46

Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Agensi	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	253.99	252.60	329.58	363.34	354.29
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	0.78	0.78	0.56	0.56	0.00
Baki Pinjaman Boleh Dituntut Pada 31 Disember		254.77	253.38	330.14	363.90	354.29

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.1.2. Tuggakan Bayaran Balik Pinjaman

Mengikut Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, baki tunggakan bayaran balik Pinjaman Agensi berjumlah RM134.54 juta menurun sejumlah RM4.03 juta atau 3.1% berbanding RM129.51 juta pada tahun 2011 seperti di **Jadual 4.47**. Pengurangan ini adalah disebabkan penjelasan yang dilakukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Majlis Bandaraya Alor Setar yang masing-masing berjumlah RM12.68 juta dan RM0.56 juta. Pada tahun 2012, Agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM170.19 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM17.32 juta dan tunggakan tahun 2011 berjumlah RM152.86 juta yang terdiri daripada bayaran pokok berjumlah RM9.61 juta dan faedah berjumlah RM3.63 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2012 hanya RM13.24 juta bayaran balik diterima. Daripada jumlah tersebut RM12.68 juta dijelaskan secara tunai dan RM0.56 juta dijelaskan secara kontra dengan hutang Kerajaan Negeri. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 4.48**.

Jadual 4.47

Baki Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi Kepada Kerajaan Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	128.90	133.54	4.64	3.6
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	0.61	0.00	0.61	-100.0
Jumlah		129.51	133.54	4.03	3.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.48

Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Oleh Agensi Bagi Tahun 2012

Bil.	Agensi	Bil. Pinjaman	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Anuiti Tahun Semasa (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan (RM Juta)	Jumlah Telah Dijelaskan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	13	152.30	17.32	169.63	12.68	156.94
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	1	0.56	0.00	0.56	0.56	0.00
Jumlah		14	152.86	17.32	170.19	13.24	156.94

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Dan Jadual Bayaran Balik Jabatan Akauntan Negara Malaysia

4.9.2. Pelaburan

4.9.2.1. Pada akhir tahun 2012, pelaburan berjumlah RM8.95 juta terdiri daripada pelaburan dalam syarikat tidak siar harga di Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. berjumlah RM5.20 juta, Permodalan Kedah Berhad berjumlah RM2.50 juta, Institut Pengurusan Kedah berjumlah RM0.50 juta, Rangkaian Hotel Seri Malaysia berjumlah RM1.00, Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. berjumlah RM0.50 juta dan Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd. berjumlah RM0.25 juta. Tiada dividen dan pulangan diterima pada tahun 2012. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 seperti di **Jadual 4.49**.

Jadual 4.49

Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Syarikat	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kedah Aquaculture Sdn.Bhd.	26.00	5.20	-20.80	-80.0
2.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	-	-
3.	Institut Pengurusan Kedah	0.50	0.50	-	-
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	0.00	0.50	0.50	100.0
5.	Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd.	0.00	0.25	0.25	100.0
6.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	0.00	0.00	-	-
Jumlah		29.00	8.95	-20.05	-69.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.2.2. Analisis Audit menunjukkan pelaburan ekuiti menurun sejumlah RM20.05 juta pada tahun 2012 atau 69.1% berbanding pada tahun 2011. Keadaan ini adalah disebabkan pegangan saham Kerajaan Negeri dalam Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. telah

berkurangan daripada RM26.00 juta pada tahun 2011 kepada RM5.20 juta pada tahun 2012. Penurunan ini adalah disebabkan penjualan 32% atau 20.80 juta unit saham Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. kepada SKS Realty Sdn. Bhd. pada nilai RM24.00 juta. Sehingga 31 Disember 2012, SKS Realty Sdn. Bhd. telah membayar RM12 juta kepada Perbadanan Menteri Besar Kedah. Mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, hasil penjualan saham Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. hendaklah diperakaunkan ke Akaun Amanah MBI iaitu Akaun Amanah Awam Kerajaan Negeri Kedah. Pada pendapat Audit, keseluruhan hasil penjualan saham berjumlah RM24.00 juta perlu dikreditkan ke hasil Kerajaan Negeri kerana sumber pembelian saham Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai SAMAK Aquaculture Sdn. Bhd.) adalah daripada Akaun Hasil Disatukan. Sekiranya keseluruhan hasil jualan saham ini yang sepatutnya diterima pada tahun 2012 berjumlah RM24.00 juta dikredit ke hasil Kerajaan Negeri, iaanya dapat mengurangkan defisit tahun semasa Kerajaan Negeri daripada RM38.62 juta kepada RM14.62 juta.

4.9.2.3. Selain itu, terdapat pertambahan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 iaitu dalam Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. dan Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd. masing-masing berjumlah RM0.50 juta dan RM0.25 juta. Kerajaan Negeri memiliki pelaburan dalam Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. melalui Perjanjian Pengkorporatan di antara Kerajaan Negeri Kedah dan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. pada 29 Disember 2010. Sebagai balasan di atas persetujuan Kerajaan Negeri mengkorporat dan memindahkan fungsi bekalan air kepada Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd., Kerajaan Negeri diberi 500,000 saham pada harga RM1.00 sesaham berjumlah RM0.50 juta di atas nama pemegang ekuiti iaitu Menteri Besar Kedah Incorporated. Kerajaan Negeri Kedah juga memiliki saham berjumlah RM0.25 juta di dalam Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd. di atas nama pemegang ekuiti iaitu State Secretary Incorporated.

4.9.2.4. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.50**.

Jadual 4.50
Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Syarikat	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Kedah Aquaculture Sdn.Bhd.	26.00	26.00	26.00	26.00	5.20
2.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50
3.	Institut Pengurusan Kedah	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
4.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
5.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.50
6.	Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.25
Jumlah		29.00	29.00	29.00	29.00	8.95

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2008 Hingga 2012

4.9.3. Hutang Awam

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada akhir tahun 2012, baki hutang

awam berjumlah RM2.60 bilion menurun sejumlah RM1.48 juta atau 0.1%. Penurunan ini disebabkan Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM10.26 juta dan hapuskira pinjaman berjumlah RM8.20 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM16.90 juta bagi rancangan bekalan air. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.51**.

Jadual 4.51

Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	1,926.16	1,943.14	16.98	0.9
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	152.75	152.62	-0.13	-0.1
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	372.56	363.55	-9.01	-2.4
4.	Pelbagai	153.45	144.13	-9.32	-6.1
Jumlah		2,604.92	2,603.44	-1.48	-0.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.3.1. Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 5 Tahun

Hutang Awam Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.52**. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2008 hingga 2010 telah meningkat setiap tahun, bagaimanapun telah berkurangan pada tahun 2011 dan tahun 2012.

Jadual 4.52

Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,663.07	1,805.52	1,920.26	1,926.16	1,943.14
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	152.75	152.75	152.75	152.75	152.62
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	263.13	261.74	378.76	372.56	363.55
4.	Pelbagai	174.54	162.56	160.65	153.45	144.13
Jumlah		2,253.49	2,382.57	2,612.42	2,604.92	2,603.44

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.9.3.2. Bayaran Balik Hutang Awam Oleh Kerajaan Negeri

- Tunggakan bayaran balik terkumpul yang perlu dijelaskan sehingga 31 Disember 2012 berjumlah RM955.55 juta. Bayaran balik pinjaman yang dicatatkan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 berjumlah RM18.46 juta. Termasuk dalam bayaran balik hutang awam ini adalah hapuskira berjumlah RM8.20 juta oleh Kerajaan Persekutuan yang melibatkan pinjaman bagi pembinaan Dewan Undangan Negeri. Kedudukan bayaran balik dan hapus kira pinjaman serta baki tunggakan hutang awam mengikut pinjaman adalah seperti di **Jadual 4.53**.

Jadual 4.53

Hapus Kira Pinjaman Dan Tunggakan Hutang Awam Pada Tahun 2012

Bil.	Pinjaman	Bayaran Balik Pinjaman (RM Juta)	Hapus Kira Pinjaman (RM Juta)	Tunggakan Hutang Awam (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	0.00	0.00	613.22
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	0.13	0.00	53.14
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	9.01	0.00	229.97
4.	Pelbagai	1.12	8.20	59.22
Jumlah		10.26	8.20	955.55

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Analisis perbandingan baki tunggakan hutang awam bagi tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan peningkatan baki tunggakan pada setiap tahun. Kedudukan baki tunggakan hutang awam bagi tahun 2008 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.54** di mana baki tahun 2012 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.54

Tunggakan Hutang Awam Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	274.02	349.37	476.85	551.55	613.22
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	25.21	32.23	39.24	46.25	53.14
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	157.31	154.51	132.88	140.29	229.97
4.	Pelbagai	64.94	43.18	56.79	50.40	59.22
Jumlah		521.48	579.29	705.76	788.49	955.55

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2008 Hingga 2012

- c. Tunggakan bayaran balik terkumpul yang patut dijelaskan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2012 berjumlah RM974.01 juta. Setelah mengambil kira bayaran balik, anuiti dan hapuskira pinjaman pada tahun 2012, baki tunggakan bayaran balik pada 31 Disember 2012 mengikut perkiraan Audit berjumlah RM955.55 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **Jadual 4.55**.

Jadual 4.55

Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Bagi Tahun 2012

Bil.	Pinjaman	Bil. Pinjaman	Tunggakan Pada 1 Januari (RM Juta)	Anuiti Tahun Semasa (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan (RM Juta)	Jumlah Telah Dijelaskan/ Hapuskira (RM Juta)	Tunggakan Pada 31 Disember (RM Juta)
1.	PAKR	10	46.25	7.02	53.27	0.13	53.14
2.	Bekalan Air	74	540.36	72.86	613.22	0.00	613.22
3.	PKNK	13	180.97	58.01	238.98	9.01	229.97
4.	Pelbagai	6	59.07	9.47	68.54	9.32	59.22
Jumlah			826.65	147.36	974.01	18.46	955.55

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Dan Jadual Bayaran Balik Jabatan Akauntan Negara Malaysia

4.9.4. Pelbagai Liabiliti

Mengikut Penyata Kewangan, tiada baki Pelbagai Liabiliti Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2012 berbanding RM25 juta pada tahun 2011 kerana Kerajaan Negeri telah melangsaikan bayaran tertangguh terakhir bagi projek pembinaan Blok E Wisma Darul Aman kepada Kedah Sato Sdn. Bhd. pada tahun 2011. Baki Pelbagai Liabiliti Kerajaan Negeri pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4.56**.

Jadual 4.56

Baki Pelbagai Liabiliti Kerajaan Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Butiran Liabiliti	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Dan Naik Taraf Bangunan Wisma Darul Aman.	25.00	0.00	-25.00	-100.0
	Jumlah	25.00	0.00	-25.00	-100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.10. AKAUN BELUM TERIMA

Pada akhir tahun 2012, Akaun Belum Terima berjumlah RM177.89 juta iaitu meningkat sejumlah RM19.77 juta atau 12.5% berbanding pada tahun 2011 yang berjumlah RM158.12 juta. Punca utama peningkatan adalah disebabkan oleh tunggakan hasil jualan saham KASB yang belum dibayar balik oleh PMBKed kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah membuat penjualan saham kepada SKS Realty Sdn. Bhd. dengan nilai RM24 juta. Bagaimanapun pembayaran sejumlah RM12 juta telah dibuat oleh SKS Realty Sdn. Bhd. kepada PMBKed pada tahun 2012. Manakala baki sejumlah RM12 juta masih belum dibayar oleh SKS Realty Sdn. Bhd. kepada Kerajaan Negeri. Tunggakan hasil sewa rumah awam dan stor tidak beruntuk juga mencatatkan peningkatan masing-masing sejumlah RM0.59 juta dan RM0.01 juta. Selain itu, tunggakan hasil bagi 7 Pejabat Tanah berkurangan sejumlah RM10.30 juta berbanding 5 Pejabat Tanah lain yang mengalami peningkatan berjumlah RM5.48 juta. Terdapat hapuskira yang diluluskan oleh Pejabat Pengarah Tanah Galian bagi Pejabat Tanah Bandar Baharu yang berjumlah RM0.57 juta. Tunggakan hasil air pada tahun 2012 berjumlah RM68.88 juta iaitu bersamaan dengan tahun 2011. Akaun Belum Terima Negeri Kedah bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.57**.

Jadual 4.57

Akaun Belum Terima Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	98.29	91.99	78.20	65.69	60.86
2.	Hasil Air	74.18	83.67	68.88	68.88	68.88
3.	Sewa Rumah Awam	22.00	24.17	25.18	23.33	23.92
4.	Stor Tak Beruntuk	0.00	0.00	0.41	0.22	0.23
5.	Jualan Saham	0.00	0.00	0.00	0.00	24.00
	Jumlah	194.47	199.83	172.67	158.12	177.89

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.11. PERISTIWA PENTING SEMASA TAHUN KEWANGAN

Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah membiayai Projek Pembinaan Kampus Tetap Kolej Universiti Insaniah dengan harga kontrak bernilai RM327.67 juta dengan faedah sebanyak 4.2% setahun menggunakan kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI). Pembayaran tertangguh berjumlah RM534.09 juta akan dibuat kepada kontraktor iaitu Kedah Sato Sdn. Bhd selama 15 tahun termasuk tempoh pertangguhan selama 3 tahun. Bayaran ansuran tahunan berjumlah RM44.51 juta akan dijelaskan mulai Mac 2013 sehingga Disember 2024.

4.12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.12.1. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2012 secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2012 berjumlah RM169.20 juta iaitu mengalami penurunan ketara sejumlah RM83.16 juta atau 33.16% berbanding tahun 2011.

4.12.2. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri mengalami defisit sejumlah RM38.62 juta. Hasil yang diperolehi pada tahun 2012 adalah berjumlah RM418.46 juta menurun sejumlah RM58.27 juta daripada tahun 2011. Perbelanjaan mengurus juga menurun sejumlah RM17.26 juta menjadi RM457.08 juta. Ini menyebabkan peningkatan baki defisit Akaun Hasil Disatukan tahun 2012 sejumlah RM38.62 juta menjadi RM334.46 juta berbanding RM295.84 juta pada tahun 2011. Kedudukan baki wang tunai Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM85.16 juta atau 44.1% daripada RM193.22 juta pada tahun 2011 kepada RM108.06 juta pada tahun 2012. Akaun Kena Bayar telah menurun sejumlah RM25.07 juta kepada RM36.78 juta manakala Akaun Belum Terima pula menunjukkan peningkatan pada tahun 2012 sejumlah RM19.77 juta. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun RM9.61 juta atau 2.6% daripada RM363.90 juta pada tahun 2011 kepada RM354.29 juta pada tahun 2012. Pelaburan di Penyata Memorandum Aset telah berkurangan sejumlah RM20.05 juta pada tahun 2012 berbanding pada tahun 2011. Pada tahun 2012 juga pinjaman diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM16.90 juta berbanding pinjaman diterima pada tahun 2011 berjumlah RM23.20 juta. Bagaimanapun komitmen Kerajaan Negeri terhadap baki hutang awam masih tinggi iaitu berjumlah RM2.60 bilion.

4.12.3. Kerajaan Negeri perlu mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung tanggungan semasa. Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) dan operasi syarikat Kerajaan Negeri perlu dipantau dengan tegas untuk memastikan pelaburan Kerajaan Negeri memberi pulangan yang sewajarnya. Kerajaan Negeri perlu juga mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan pesat ekonomi Negeri Kedah. Selain itu, tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk memastikan tunggakan pinjaman dibayar oleh Agensi Negeri mengikut jadual yang ditetapkan.



BAHAGIAN III

Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

5.1. Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) Negeri Kedah untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Kedah. Ia adalah kesinambungan perancangan Kerajaan bagi membentuk sebuah negara yang maju dari segi ekonominya selain mempunyai pembangunan sosial yang seimbang, warga yang bersatu padu, berbudaya, berkekerti mulia, berkemahiran, berfikiran maju dan berpandangan jauh.

5.2. Bagi menjayakan RMKe-10 ini, siling peruntukan asal yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM3.43 bilion. Bagaimanapun pada tahun 2012, siling peruntukan RMKe-10 disemak semula menjadikan ianya berjumlah RM3.55 bilion. Daripada 9 Jabatan yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek pembangunan, Jabatan Kerja Raya adalah penerima peruntukan tertinggi berjumlah RM1.45 bilion (40.9%). Kerajaan Negeri tidak menyediakan rancangan projek yang akan dilaksanakan berdasarkan RMKe-10 sebaliknya hanya menyediakan rancangan projek bagi tahun semasa. Anggaran perbelanjaan bagi melaksanakan projek pembangunan di bawah RMKe-10 mengikut Jabatan sehingga akhir tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Peruntukan RMKe-10 Bagi Tahun 2011 Hingga Tahun 2015

Bil.	Jabatan Pelaksana	Anggaran RMKe-10 (RM Juta)
1.	Jabatan Kerja Raya	1,452.18
2.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	806.70
3.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	505.50
4.	Pegawai Kewangan Negeri (Bekalan Air)	310.00
5.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	190.00
6.	Jabatan Pertanian	127.67
7.	Jabatan Perhutanan	95.75
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	54.83
9.	Pengarah Tanah Dan Galian	5.00
Jumlah		3,547.63

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.2.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Tahun 2012

Pada tahun 2012, peruntukan yang diluluskan adalah berjumlah RM420.03 juta dan sejumlah RM235.62 juta atau 56.1% daripada jumlah peruntukan telah dibelanjakan oleh 9 Jabatan sehingga akhir tahun 2012. Pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-10 pada tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10 Tahun 2012

Bil.	Jabatan Pelaksana	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Jabatan Kerja Raya	84.10	81.88	97.4
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	88.40	67.49	76.3
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	43.00	29.20	67.9
4.	Pegawai Kewangan Negeri (Bekalan Air)	161.00	20.03	12.4
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	15.35	14.22	92.6
6.	Jabatan Pertanian	13.18	11.52	87.4
7.	Jabatan Perhutanan	8.00	7.49	93.6
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6.00	3.10	51.7
9.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	1.00	0.69	69.0
Jumlah		420.03	235.62	56.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.2.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2012


5.2.2.1. Pada tahun 2012, sebanyak 223 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 9 Jabatan/Pejabat. Pada keseluruhannya, sebanyak 185 projek telah siap dilaksanakan, 6 projek sedang dilaksana dan 32 projek belum dimulakan. Status pencapaian pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.

Jadual 5.3

Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Setakat 31 Disember 2012

Bil.	Jabatan	Status Pelaksanaan Projek (Bilangan)			Jumlah Projek
		Siap Sebenar	Sedang Dilaksana	Belum Mula	
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	46	6	14	66
2.	Jabatan Pertanian	42	-	-	42
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	32	-	2	34
4.	Jabatan Perhutanan	29	-	4	33
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	16	-	3	19
6.	Jabatan Kerja Raya	10	-	2	12
7.	Pegawai Kewangan Negeri (Bekalan Air)	6	-	4	10
8.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	3	-	3	6
9.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	1	-	-	1
Jumlah		185	6	32	223

Sumber: Jabatan

Carta 5.1**Status Pencapaian Projek RMKe-10 Sehingga 31 Disember 2012**

Sumber: Laporan Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-10 Jabatan/Pejabat Negeri

5.2.2.2. Berdasarkan **Jadual 5.3** di atas, hanya 2 Jabatan telah berjaya menyiapkan semua projek yang dirancang pada tahun 2012. Antara 185 projek yang berjaya disiapkan adalah projek membina Bangunan Blok E Wisma Darulaman, membina Pejabat Daerah Dan Tanah Kota Setar dan Bekalan Air Sik Paket A dan C. Sebanyak 6 projek yang sedang dilaksanakan termasuklah satu projek lewat jadual. Projek yang sedang dilaksanakan antaranya adalah Projek Membina Kampus Tetap Kolej Universiti Insaniah, Projek Naik Taraf Pejabat Daerah Pendang dan Projek Baik Pulih PAKR. Manakala Projek Pembinaan Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi telah lewat daripada jadual sebenar menyebabkan Kontraktor bagi projek tersebut telah ditamatkan kontrak. Proses tender semula projek tersebut sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah. Selain itu, terdapat 12 projek daripada 32 projek yang belum mula mempunyai peruntukan tetapi tidak dibelanjakan langsung. Antara projek yang tidak dibelanjakan langsung adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4**Peruntukan Tidak Dibelanjakan Langsung**

Bil.	Projek	Peruntukan (RM Juta)	Sebab Tidak Belanja
1.	Bekalan Air Pelubang	20.00	Masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA).
2.	Membaik pulih LPA Bukit Pinang	15.00	
3.	Membina Kampus Tetap Kolej Universiti Insaniah	11.21	Projek sedang dilaksanakan. Pembiayaan melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI). Bayaran tertangguh termasuk faedah berjumlah RM534.09 juta selama 15 tahun termasuk tempoh pertangguhan selama 3 tahun. Bayaran ansuran tahunan berjumlah RM44.51 juta akan dijelaskan mulai Mac 2013 sehingga Disember 2024.
4.	Pembinaan dan Penyelenggaraan Bangunan Baharu Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1.00	Masih dalam proses penyediaan dokumen tender.

Bil.	Projek	Peruntukan (RM Juta)	Sebab Tidak Belanja
5.	Program Kajian Kejuruteraan	0.30	Projek telah siap dilaksanakan pada akhir tahun 2012. Bagaimanapun pembayaran tidak sempat dilaksanakan dalam tahun 2012.
Jumlah		47.51	

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

5.3. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-10 adalah kurang memuaskan. Sehingga 31 Disember 2012, perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM235.62 juta atau 56.1% daripada RM420.03 juta peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 185 projek atau 83% daripada 223 projek telah disiapkan. Manakala 6 projek atau 2.7% sedang dilaksanakan dan 32 projek atau 14.3% masih belum bermula. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Kedah.



BAHAGIAN IV

Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Di bawah kriteria pengauditan pematuhan, semakan dibuat untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2012, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

7.1. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengadakan 7 kursus dan taklimat bagi memantapkan pengurusan kewangan di Jabatan-jabatan dan Agensi Negeri.

7.2. Mewujudkan Pasukan Naziran bagi memantau kawalan dalaman Jabatan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah.

7.3. Permohonan stok dilaksanakan secara online melalui Sistem Pengurusan Stor dan Laporan Stok dikemas kini secara automatik di PKNK.

7.4 Penggunaan Sistem Penilaian Kepuasan Pelanggan Secara Elektronik untuk memberi maklumbalas dan penilaian bagi setiap perkhidmatan di Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dikenali sebagai Sistem e-Rating MAIK.

7.5. Orang awam boleh menerima pemakluman dan membuat sebarang aduan atau pertanyaan kepada Majlis Agama Islam Negeri Kedah melalui Sistem SMS Infoblast MAIK.

Sistem ini juga menyediakan kemudahan penghantaran maklumat seperti panggilan mesyuarat, peringatan dan pemakluman kepada kakitangannya.

7.6. Jabatan Zakat Negeri Kedah telah menyediakan Sistem Daftar Surat Bantuan bagi merekod surat atau borang permohonan bantuan yang diterima bagi membolehkan pegawai Jabatan Zakat menyemak maklumat dan status permohonan bantuan. Sistem yang disediakan dalam tahun 2012, telah digunakan sepenuhnya pada bulan Februari 2013.

8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti** sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; serta Pengurusan Aset. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengesahan Penyata Kewangan turut dinilai. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

- 8.2.2.** Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset, pelaburan serta pinjaman.
- 8.2.3.** Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 8.2.4.** Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pada tahun 2012, pengauditan telah dijalankan di 19 Jabatan/Agensi Negeri. Sebanyak 15 Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2012 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2012 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2011/2012, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

8.4. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 10 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; dan Pengurusan Aset. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah dan Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengesahan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

8.4.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesaan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

8.4.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperitimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Prosedur Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
 - c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan

Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agenzi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 menetapkan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agenzi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c. Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

8.4.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

8.4.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

8.4.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Perpendaharaan Negeri Bil. 2 Tahun 2011 mengenai Pengurusan Bajet 2012. Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perpendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan

semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

8.4.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

8.4.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

8.4.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/ kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan di AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

8.4.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

8.4.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

8.4.4.1. Perakaunan

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

8.4.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

8.4.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman Kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993.
- b. Pinjaman Komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.

- c. Pendahuluan Diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan Pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

8.4.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

8.4.6. Pengurusan Aset

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

8.4.6.1. Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

8.4.6.2. Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi tanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

8.4.6.3. Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

8.4.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

8.4.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

8.4.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

8.4.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

8.4.9. Pengesahan Penyata Kewangan

Keperluan penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit adalah mengikut Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2009. Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah menghendaki Agenzi Negeri

mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.


8.5. PENEMUAN AUDIT

8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2012, sebanyak 19 Jabatan/Agensi Negeri dinilai pencapaian pengurusan kewangan. Hasil pengauditan mendapati 7 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap sangat baik dengan diberi penarafan 4 Bintang. Manakala 10 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap baik dengan penarafan 3 Bintang. Hanya 2 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Yayasan Islam Negeri Kedah dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berada pada tahap memuaskan dengan penarafan 2 Bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2012 adalah seperti di **Carta 8.1** manakala kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2012 secara keseluruhannya adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Carta 8.1

**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2012**



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara


Jadual 8.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri
Bagi Tahun 2007 Hingga 2012

Tahap Penarafan	Jabatan/Agenzi					
	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Sangat Baik	-	2	4	4	3	7
Baik	4	8	23	12	12	10
Memuaskan	3	4	9	1	2	2
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-
Jumlah	7	14	36	17	17	19

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

8.5.2.1. Analisis Audit mendapati semua Jabatan berada pada tahap sangat baik, baik dan memuaskan bagi kawalan bajet, terimaan dan perbelanjaan. Manakala masih terdapat Jabatan yang memperolehi tahap tidak memuaskan dalam kawalan pengurusan, amanah dan deposit serta aset. Keseluruhan pematuhan bagi setiap kawalan pengurusan di 10 Jabatan adalah seperti di **Carta 8.2**.



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Nota : 2 Jabatan Negeri Tidak Berkaitan bagi elemen Amanah Dan Deposit.

8.5.2.2. Kelemahan-kelemahan yang ditemui berhubung dengan kawalan pengurusan dan kawalan aset adalah seperti berikut:

a. Kawalan Pengurusan

- i. Carta Organisasi tidak dipamer.

- ii. Pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan tidak diberikan kuasa secara bertulis.
- iii. Jabatan tidak mempunyai Manual Prosedur Kerja.
- iv. Fail Meja tidak lengkap dan dikemas kini.
- v. Jabatan tidak menjalankan pemeriksaan mengejut.
- vi. JKPA tidak ditubuhkan.
- vii. Jabatan tidak menukuhan JKTU.
- viii. Latihan tidak dilaksanakan mengikut perancangan disebabkan Jabatan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi.

b. Kawalan Aset


- i. JKPAK tidak bermesyuarat sepanjang tahun 2012.
- ii. Unit Pengurusan Aset tidak menyedia dan mengemukakan Laporan Tahunan Aset dan Stor.
- iii. Senarai KEW.PA-4, KEW.PA-5, KEW.PA-6 dan KEW.PA-7 tidak diselenggarakan.
- iv. Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggara.
- v. Borang Pesanan Pengeluaran Stok (KEW.PS-10) dan Borang Permohonan Stok KEW.PS-11 tidak diselenggarakan.
- vi. Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9) tidak diselenggara.
- vii. Pemeriksaan harta modal dan verifikasi stor tidak dijalankan.
- viii. Jabatan telah melantik Pegawai kenderaan tetapi kenderaan diguna tanpa kelulusan Pegawai Kenderaan.
- ix. Buku Log kenderaan tidak diserahkan untuk diaudit.
- x. Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemaskini.
- xi. Buku rekod Kad Inden Minyak tidak diselenggara dan bukti semakan antara salinan resit dan penyata pembelian tidak dapat disahkan.

xii. Jabatan tidak menyediakan KEW.PA-13 dan KEW.PA-14.

8.5.2.3. Sembilan elemen kawalan digunakan untuk menilai tahap pengurusan kewangan bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah dan 8 Agensi Negeri manakala 10 Jabatan Negeri dinilai menggunakan 6 elemen kawalan. Perbezaan elemen kawalan adalah berdasarkan aktiviti Jabatan/Agensi berkenaan. Analisis Audit mendapati Pejabat Perbendaharaan Negeri dan semua Agensi Negeri berada pada tahap sangat baik dan baik bagi kawalan terimaan, pelaburan, pinjaman dan penyata kewangan. Manakala masih terdapat Agensi yang memperolehi tahap tidak memuaskan dalam kawalan pengurusan dan aset. Prestasi pematuhan bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 8 Agensi adalah seperti di **Carta 8.3**.

Carta 8.3

Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2012



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Nota : 1 Agensi Negeri Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pelaburan
5 Agensi Negeri Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pinjaman

8.5.2.4. Kelemahan-kelemahan yang ditemui berhubung dengan kawalan pengurusan dan kawalan pelaburan adalah seperti berikut:

a. Kawalan Pengurusan

- i. Bilangan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak mematuhi kehendak Enakmen.
- ii. Minit Mesyuarat tidak disediakan.
- iii. Manual Prosedur Kerja tidak disediakan.

- iv. JPKA tidak ditubuhkan. Bagaimanapun, perkara berkaitan kewangan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Mesyuarat Majlis Penuh. Bagi tahun 2012, Jawatankuasa Tetap Kewangan hanya bermesyuarat pada bulan Mac dan Disember 2012.
- v. Jawatankuasa Audit hanya bermesyuarat 2 kali dalam tahun 2012. Bagaimanapun, minit mesyuarat tidak disediakan dan oleh demikian Laporan Jawatankuasa Audit tidak dikemukakan dan dibentang kepada Lembaga Pengarah.
- vi. JKTU tidak ditubuhkan.
- vii. Rancangan Tahunan Unit Audit Dalam tidak dikemukakan kepada Ketua Agensi dan Jawatankuasa Audit untuk kelulusan.
- viii. Laporan Tahunan Unit Audit Dalam tidak disediakan dan dibentangkan di mesyuarat JPKA dan Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya setiap 3 bulan.


b. Kawalan Aset

- i. Mesyuarat JKPAK tidak diadakan dalam tahun 2012.
- ii. Laporan Tahunan Aset Alih dan Stok tidak disediakan.
- iii. Pegawai Penerima Aset tidak dilantik.
- iv. Pegawai Pemeriksa/Pemverifikasi stor tidak dilantik dan pemeriksaan harta modal dan verifikasi stor tidak dijalankan.
- v. Aset dan Inventori yang dibeli tidak direkod dalam daftar.
- vi. Daftar Pergerakan Aset tidak disediakan.
- vii. Pelupusan aset tidak dilaksanakan walaupun tindakan menyediakan KEW.PA 17 telah dilaksanakan.
- viii. Pelantikan Pegawai Kenderaan tidak dibuat.
- ix. Buku log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemaskini serta Cerakinan Penggunaan Bahan Api tidak dibuat.

8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Bagi 5 Tahun Berturut-Turut

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah merupakan Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit setiap tahun. Analisis Audit menunjukkan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mengekalkan prestasi pengurusan kewangan pada tahap sangat baik dengan penarafan 4 Bintang setiap tahun bagi tempoh 2008 hingga 2012. Manakala Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah mengekalkan tahap prestasi pengurusan kewangan sangat baik selama 3 tahun berturut-turut. Prestasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2012 masih kekal di tahap baik. Perbandingan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi tersebut bagi tempoh 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 8.4**.

Carta 8.4
Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tempoh 2008 Hingga 2012




Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

8.5.4. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tempoh 2 Pusingan Daripada Tahun 2009 Hingga 2012

Selain itu, 14 Jabatan/Agensi Negeri telah diaudit 2 kali dalam tempoh kitaran di antara tahun 2009 hingga 2012. Manakala Pejabat Daerah Baling telah diaudit sebelum tempoh tersebut. Oleh demikian tiada perbandingan markah bagi tahap pencapaian Indeks Akauntabiliti. Analisis Audit mendapati 9 Jabatan/Agensi telah berjaya meningkatkan skor pemarkahan Indeks Akauntabiliti manakala 5 Jabatan/Agensi menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Majlis Perbandaran Sungai Petani masih mengekalkan tahap prestasi pengurusan kewangannya pada tahap sangat baik manakala 3 Jabatan/Agensi Negeri berjaya meningkatkan prestasi daripada baik kepada sangat baik iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah serta Pejabat Tanah dan Daerah Sik. Sebanyak 2 Jabatan telah berjaya meningkatkan prestasi daripada memuaskan kepada baik iaitu Jabatan Mufti Negeri Kedah dan Pejabat Tanah Baling. Prestasi pengurusan kewangan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Yayasan Islam Negeri Kedah masih tidak berubah iaitu di tahap memuaskan sahaja. Antara sebab Jabatan/Agensi tidak dapat meningkatkan prestasi pengurusan kewangan adalah disebabkan kelemahan dalam pengurusan aset seperti penerimaan, pendaftaran, penyenggaraan dan penggunaan aset termasuk penggunaan kenderaan. Perbandingan tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 14 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit 2 kali dalam kitaran tempoh tahun 2009 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 8.5.**

Carta 8.5
Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Bagi Tahun 2012 Dan Sebelumnya



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Nota: Pejabat Daerah Baling tiada perbandingan tahap pencapaian prestasi tahun sebelumnya

8.6. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

8.6.1. LATAR BELAKANG

Pengauditan mengejut merupakan satu pendekatan Audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan. Ianya adalah untuk memastikan perkara berkenaan diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa serta wujud

pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan. Selain itu, lawatan dan tinjauan secara mengejut terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/Agensi turut dijalankan.

8.6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan mengejut adalah untuk menilai sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

8.6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

8.6.3.1. Skop pengauditan mengejut meliputi semakan terhadap segala penerimaan wang, wang panjar, setem/*franking machine*/setem hasil, borang hasil yang dikawal, wang yang diterima untuk dibahagi-bahagikan, barang-barang berharga, sijil pelaburan, kad pintar bayaran, barang individu tahanan sementara dan barang sensitif/keselamatan.

8.6.3.2. Tempoh untuk menjalankan pengauditan mengejut adalah satu hari atau mengikut keperluan berdasarkan saiz Audit.

8.6.3.3. Metodologi pengauditan mengejut ialah pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam dan barang-barang berharga, semakan dan analisis terhadap rekod-rekod kewangan, temubual dengan pihak Audit, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan, pegawai keselamatan bertugas, peti besi sentiasa berkunci dan sebagainya serta lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor.

8.6.4. PENEMUAN AUDIT

Pada tahun 2012 pengauditan mengejut telah dilaksanakan terhadap 18 Jabatan/Agensi di Kedah. Hasil pengauditan yang telah dilaksanakan tersebut, secara keseluruhannya menunjukkan beberapa perkara perlu diberikan perhatian seperti di **Jadual 8.3**. Ketua Jabatan /Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

Jadual 8.3
Penemuan Audit Mengejut di Negeri Kedah Tahun 2012

Bil.	Nama Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
1.	Majlis Daerah Bandar Baharu	Daftar Setem tidak diselenggarakan.
2.	Majlis Daerah Pendang	<p>Daftar Mel tidak diselenggarakan. [AP71(a)]</p> <p>Daftar Stok Borang Hasil (Kew. 67) tidak dikemas kini.</p> <p>Buku Tunai Panjar tidak diselenggarakan. [AP113(d)]</p> <p>Baucar Kecil Kew. 50 tidak disediakan. [AP113(b)(i)].</p> <p>Surat kelulusan panjar tidak dikemukakan semasa pemeriksaan.</p> <p>Daftar Pelaburan (Simpanan Tetap) tidak dikemas kini.</p> <p>Baki fizikal setem tidak menyamai baki di dalam Daftar Setem. Daftar Setem tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.</p>
3.	Maktab Mahmud Langkawi	<p>Resit Rasmi tidak direkodkan ke Buku Tunai pada hari yang sama. [AP72]</p> <p>Daftar Setem tidak diselenggarakan.</p> <p>Sehingga 9 Julai 2012, Pemeriksaan Mengejut bagi tahun 2012 masih belum dijalankan.</p> <p>Buku Log Kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap.</p>
4.	Majlis Perbandaran Langkawi	<p>Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan secara berkala iaitu setiap 6 bulan.</p> <p>Daftar Mel tidak dikemas kini. [AP71(a)]</p>
5.	Pejabat Zakat Daerah Baling	Buku Resit tidak disimpan dengan selamat.
6.	Maktab Mahmud Baling	<p>Sehingga 7 Ogos 2012, Pemeriksaan Mengejut bagi tahun 2012 masih belum dijalankan.</p> <p>Pembetulan di Buku Tunai menggunakan cecair pemadam.</p> <p>Surat penurunan kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang menyedia dan mengesahkan baucar bayaran.</p>
7.	Jabatan Hal Ehwal Agama Daerah Kuala Muda	<p>Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak dikemas kini. [AP113(d)(i)]</p> <p>Daftar Setem tidak dikemas kini. Baki fizikal tidak menyamai baki pada Daftar Setem.</p> <p>Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan secara berkala dan tidak melibatkan pemeriksaan terhadap setem.</p> <p>Notis pemberitahuan kepada orang awam agar meminta resit tidak dipamerkan. [AP61(a)]</p> <p>Kutipan hasil lewat dibankkan. [AP78(a)]</p> <p>Resit Rasmi yang diterima tidak diperakurkan nombor sirinya di belakang helaian pertama salinan pejabat. [AP66(a)]</p>
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Daerah Sik	<p>Resit Rasmi tidak direkodkan di dalam Buku Tunai pada hari yang sama. [AP72]</p> <p>Penyata Penyesuaian Hasil tidak dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri.</p> <p>Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak diselenggarakan. [AP113(d)(i)]</p> <p>Daftar Setem tidak dikemas kini.</p>
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Padang Terap	<p>Penyata Penyesuaian Hasil tidak dikemukakan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri. [AP143(b)]</p> <p>Daftar Mel tidak diselenggarakan. [AP71(a)]</p> <p>Buku Tunai Deposit tidak dikemas kini.</p> <p>Daftar Setem tidak dikemas kini.</p>
10.	Jabatan Hal Ehwal Agama Daerah Yan	<p>Resit Rasmi tidak direkodkan di dalam Buku Tunai pada hari yang sama. [AP72]</p> <p>Notis pemberitahuan kepada orang awam agar meminta resit tidak dipamerkan. [AP61(a)]</p> <p>Resit Rasmi yang diterima tidak diperakurkan nombor sirinya di belakang helaian pertama salinan pejabat. [AP66(a)]</p> <p>Akaun Tunai Bulanan lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri.</p>

Bil.	Nama Jabatan/Agensi	Penemuan Audit
		Penyata Penyesuaian Hasil lewat dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan. [AP143(b)] Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan secara berkala iaitu setiap enam bulan. Baki fizikal setem tidak menyamai baki di dalam Daftar Setem.
11.	Pejabat Daerah Dan Tanah Pendang	Daftar Setem tidak diselenggarakan.
12.	Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi	Baki fizikal Buku Resit Rasmi (Kew.38) tidak menyamai baki pada Daftar Borang Hasil (Kew.67). [AP67] Baki fizikal setem tidak menyamai baki di dalam Daftar Setem. Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan terhadap panjar wang runcit dan setem. Pemeriksaan tidak dilakukan secara berkala iaitu setiap enam bulan.
13.	Pejabat Agama Daerah Padang Terap	Buku Tunai tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Akaun Tunai Bulanan bulan Mei 2012 belum dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri. Pembelian runcit (bil) yang diterima tidak dikunci masuk ke dalam sistem dan baucar kecil tidak disediakan. Baki fizikal setem tidak menyamai baki di dalam Daftar Setem. Penyata Penyesuaian Setem tidak disediakan pada setiap bulan.
14.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kubang Pasu	Penyata Penyesuaian Setem tidak disediakan pada setiap bulan.
15.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kubang Pasu	Panjar wang runcit tidak dikemas kini Daftar Setem tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyata Penyesuaian Setem tidak disediakan setiap bulan.
16.	Pejabat Tanah Kubang Pasu	Daftar Mel tidak diselenggarakan. [AP71(a)] Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan secara berkala iaitu setiap 6 bulan. Pembelian runcit (bil) yang diterima tidak dikunci masuk ke dalam sistem dan baucar kecil tidak disediakan. Buku Tunai Deposit tidak diselenggara dengan lengkap. [AP156] Daftar Setem tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
17.	Pusat Pertanian Batu Seketol Sik	Semua peraturan kewangan telah dipatuhi.
18.	Jabatan Kerja Raya Daerah Baling	Resit rasmi tidak direkodkan ke Buku Tunai pada hari yang sama. (AP72). Buku Tunai tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Akaun Tunai Bulanan bagi bulan Mac dan April 2011 belum dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri. Penyata Penyesuaian Setem tidak disediakan setiap bulan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

9. SYOR AUDIT

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2012 adalah baik, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan diambil. Tindakan pembetulan adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan pencegahan adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

9.2. Bahagian Audit Dalam SUK dan Khidmat Perunding SPEKS (Unit Naziran) Perbendaharaan Negeri disyorkan menjalankan naziran/pengauditan di Pejabat/Jabatan untuk memastikan Pejabat/Jabatan mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan.

9.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.

9.4. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.



BAHAGIAN V

Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

10. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan piawaian yang diluluskan.

10.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

10.1.1. Bagi Negeri Kedah, Ketua Audit Negara mengaudit 10 BBN, 11 PBT dan MAIK. Pada tahun 2012, pengauditan terhadap MAIK, 2 BBN dan 1 PBT telah dijalankan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala pengauditan terhadap 8 BBN dan 10 PBT telah dijalankan oleh Firma Audit Swasta (FAS). Perlantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit, 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

10.1.2. Pengauditan yang dijalankan oleh pihak FAS diselia dan dipantau oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Pemantauan dibuat semasa pengauditan interim dan muktamad dilaksanakan oleh FAS. Kertas kerja pengauditan yang disediakan oleh FAS juga akan disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Bagi meningkatkan mutu pengauditan dan membantu pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh FAS, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Prosedur Kualiti dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan BBN, PBT dan MAIK yang dikemas kini dan berkuat kuasa penggunaannya pada 14 Mac 2011. Prosedur Kualiti dan Garis Panduan ini telah menetapkan panduan berkenaan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, Pengauditan Interim, Pengauditan Muktamad, Penyediaan Surat Pengurusan, Pengurusan FAS sehingga Penyediaan Sijil Audit dan Laporan Ketua Audit Negara. Selain itu, *exit conference* diadakan antara FAS, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara untuk membincangkan pelaksanaan Audit dan menyelesaikan masalah yang berbangkit hasil daripada pengauditan yang dijalankan secara berterusan. Secara keseluruhannya, penggunaan Prosedur Kualiti, Garis Panduan dan perbincangan berterusan itu telah meningkatkan prestasi kerja pengauditan dan mutu persembahan Penyata Kewangan bertambah baik serta jaringan kerjasama yang kukuh antara FAS, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara. Justeru, penyerahan dan pengesahan Penyata Kewangan pada keseluruhannya dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

10.2. KEDUDUKAN PENERIMAAN PENYATA KEWANGAN

10.2.1. Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2009 yang diadakan pada 20 April 2009 telah memutuskan supaya BBN, MAIK dan PBT mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya.

10.2.2. Pada keseluruhannya, penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2012 bagi 10 BBN, 10 PBT dan MAIK adalah lebih baik berbanding tahun 2011. Sembilan agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah, Majlis Sukan Negeri Kedah, Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, Majlis Daerah Padang Terap dan Majlis Daerah Bandar Baharu telah mengemukakan Penyata Kewangan sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan oleh peraturan berbanding hanya 8 agensi yang mengemukakan Penyata Kewangan pada tahun 2011.

10.2.3. Penyata Kewangan Tahun 2011 bagi semua BBN, MAIK dan PBT telah dikemukakan untuk diaudit kecuali Majlis Daerah Kubang Pasu walaupun 5 peringatan telah dikeluarkan. Mengikut pihak Majlis Daerah Kubang Pasu, penyata tersebut belum dapat dikemukakan kerana belum mendapat kelulusan Mesyuarat Penuh Majlis disebabkan Yang DiPertua Majlis belum dilantik.

10.2.4. Bagi Penyata Kewangan tahun 2012 iaitu sehingga 12 Julai 2013, sebanyak 14 agensi telah menyerahkan penyata kewangan masing-masing. Penyata Kewangan bagi 2 agensi BBN iaitu Yayasan Islam Negeri Kedah dan Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah tidak dapat menyerahkan Penyata Kewangan masing-masing kerana Pengurusi belum dilantik berikutan pembubaran Dewan Undangan Negeri. Selain itu, baki 6 Penyata Kewangan PBT juga masih belum diterima kerana perlu disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis terlebih dahulu. Bagaimanapun, mesyuarat berkenaan tidak dapat diadakan berikutan arahan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri supaya Mesyuarat Penuh Majlis tidak dijalankan buat sementara waktu semasa dalam tempoh pembubaran Dewan Undangan Negeri. Butiran lanjut kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1

Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Negeri Kedah Dan Pihak Berkuasa Tempatan

Bil.	Agensi	Tarikh Penyerahan Penyata Kewangan	
		2011	2012
Badan Berkanun Negeri			
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	20.05.2012	19.03.2013
2.	Majlis Sukan Negeri Kedah	09.05.2012	08.04.2013
3.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	24.05.2012	14.04.2013
4.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	08.05.2012	21.04.2013
5.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	30.07.2012	24.04.2013
6.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	24.04.2012	30.04.2013
7.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	20.05.2012	02.05.2013
8.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	11.07.2012	02.05.2013
9.	Yayasan Islam Negeri Kedah	05.07.2012	Belum Terima
10.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	29.11.2012	Belum Terima
Majlis Agama Islam			
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	28.03.2012	25.03.2013
Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Daerah Padang Terap	25.04.2012	09.04.2013
2.	Majlis Daerah Bandar Baharu	25.04.2012	11.04.2013
3.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	30.04.2012	20.06.2013
4.	Majlis Daerah Pendang	29.07.2012	03.07.2013
5.	Majlis Bandaraya Alor Setar	29.04.2012	09.07.2013
6.	Majlis Perbandaran Kulim	30.04.2012	Belum Terima
7.	Majlis Daerah Sik	30.04.2012	Belum Terima
8.	Majlis Daerah Baling	31.05.2012	Belum Terima
9.	Majlis Daerah Yan	04.06.2012	Belum Terima
10.	Majlis Perbandaran Langkawi	14.08.2012	Belum Terima
11.	Majlis Derah Kubang Pasu	Belum Terima	Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Kedudukan sehingga 12 Julai 2013

Pada pendapat Audit, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah perlu membantu Majlis Daerah Kubang Pasu menyelesaikan dengan segera masalah penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2011.

10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Tahun 2012 bagi 8 BBN, MAIK dan 4 PBT telah diterima untuk diaudit dan diberi Sijil Ketua Audit Negara. Empat agensi iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah dan Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah telah disahkan Penyata Kewangannya dan telah diberikan Sijil Tanpa Teguran, manakala 9 Agensi lagi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Majlis Sukan Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah, Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Daerah Pendang, Majlis Daerah Padang Terap dan Majlis Daerah Bandar Baharu sedang diaudit.

Penyata Kewangan Tahun 2011 bagi 10 BBN, MAIK dan 10 PBT telah diterima untuk diaudit dan diberi Sijil Ketua Audit Negara. Di antara Penyata Kewangan yang diterima itu, 10 BBN, MAIK dan 9 PBT telah diberi Sijil Tanpa Teguran manakala Sijil Berteguran diberi kepada Majlis Daerah Pendang kerana sejumlah RM19.72 juta geran dan pemberian Kerajaan bagi maksud perolehan aset tetap tidak diambilkira sebagai pendapatan di dalam Penyata Pendapatan Majlis bagi tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya seperti kehendak MASB 31. Jenis sijil yang dikeluarkan bagi Penyata Kewangan Agensi adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2

Jenis Sijil Penyata Kewangan Agensi Negeri Kedah

Bil.	Agensi	Penyata Kewangan	
		Tahun Penyata	Jenis Sijil
Badan Berkanun Negeri			
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	2012	Tanpa Teguran
2.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	2012	Tanpa Teguran
3.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	2012	Tanpa Teguran
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	2011	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	2011	Tanpa Teguran
6.	Yayasan Islam Negeri Kedah	2011	Tanpa Teguran
7.	Majlis Sukan Negeri Kedah	2011	Tanpa Teguran
8.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	2011	Tanpa Teguran
9.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	2011	Tanpa Teguran
10.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	2011	Tanpa Teguran
Majlis Agama Islam			
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	2012	Tanpa Teguran
Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar	2011	Tanpa Teguran
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	2011	Tanpa Teguran
3.	Majlis Perbandaran Kulim	2011	Tanpa Teguran
4.	Majlis Perbandaran Langkawi	2011	Tanpa Teguran
5.	Majlis Daerah Baling	2011	Tanpa Teguran
6.	Majlis Daerah Yan	2011	Tanpa Teguran
7.	Majlis Daerah Padang Terap	2011	Tanpa Teguran
8.	Majlis Daerah Sik	2011	Tanpa Teguran
9.	Majlis Daerah Bandar Baharu	2011	Tanpa Teguran
10.	Majlis Daerah Pendang	2011	Berteguran

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Kedudukan sehingga 12 Julai 2013

10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

10.4.1. Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan agensi Negeri yang telah disahkan hendaklah dibentang di Dewan Undangan Negeri (DUN).

10.4.2. Semua Penyata Kewangan Tahun 2010 telah dibentang di DUN Kedah kecuali Penyata Kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah. Bagi Penyata Kewangan Tahun 2011, 7 Penyata Kewangan BBN dan 2 Penyata Kewangan PBT belum dibentang di DUN. Kedudukan Penyata Kewangan Agensi Negeri yang belum dibentangkan di DUN Kedah adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3**Penyata Kewangan Agensi Negeri Yang Belum Dibentangkan Di Dewan Undangan Negeri**

Bil.	Agensi	Tahun Penyata	Tarikh Disahkan
Badan Berkanun Negeri			
1.	Lembaga Kesihatan Negeri Kedah	2010	09.10.2011
2.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	2011	12.08.2012
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	2011	27.08.2012
4.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	2011	06.09.2012
5.	Yayasan Islam Negeri Kedah	2011	26.09.2012
6.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	2011	04.10.2012
7.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	2011	07.11.2012
8.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	2011	28.01.2013
Pihak Berkuasa Tempatan			
1.	Majlis Daerah Pendang	2011	25.11.2012
2.	Majlis Perbandaran Langkawi	2011	09.12.2012

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

Nota: Kedudukan sehingga 12 Julai 2013

Pada pendapat Audit, pihak Agensi berkaitan perlu mengambil tindakan segera untuk membentangkan Penyata Kewangan yang telah diberi sijil Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri.

10.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis adalah berdasarkan kepada 9 daripada 11 BBN termasuk Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan 5 daripada 11 PBT tahun 2012. Empat Penyata Kewangan BBN telah diaudit iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid dan Lembaga Maktab Mahmud. Lima Penyata Kewangan BBN sedang diaudit iaitu Majlis Sukan Negeri, Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Lembaga Muzium dan Lembaga Biasiswa. Manakala 5 Penyata Kewangan PBT sedang diaudit adalah Majlis Daerah Padang Terap, Majlis Daerah Bandar Baharu, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Daerah Pendang dan Majlis Bandaraya Alor Setar.

10.5.1. Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.1.1. Analisis prestasi kewangan BBN adalah berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2012 yang diterima dari 8 BBN dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Dua lagi BBN iaitu Yayasan Islam Negeri Kedah dan Perbadanan Stadium-stadium Negeri Kedah masih belum menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2012 untuk diaudit. Berdasarkan kepada Penyata Kewangan yang dikemukakan, didapati pada keseluruhannya kedudukan kewangan BBN bagi tahun 2012 adalah memuaskan berbanding tahun 2011. Pada akhir tahun 2012, Surplus Terkumpul meningkat sejumlah RM34.98 juta atau 3.2% dan Jumlah Aset meningkat sejumlah RM39.16 juta atau 2.4%. Peningkatan ini adalah berpunca daripada kenaikan Surplus Terkumpul Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah berjumlah RM22.35 juta atau 2.7%, Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah sejumlah RM11.19 juta atau 7.5%, Lembaga Maktab Mahmud sejumlah RM1.30 juta atau 16.1%, Majlis Agama Islam Negeri Kedah sejumlah RM1.19 juta atau 3.0% dan Perbadanan Perpustakaan Awam

sejumlah RM0.40 juta atau 42.1%. Bagaimanapun, surplus tahun semasa BBN telah mencatat penurunan sejumlah RM33.31 juta atau 52.5% berbanding tahun 2011. Selain itu, Aset Semasa Bersih juga turut menurun sejumlah RM6.85 juta atau 1.7% berbanding tahun 2011. Prestasi kewangan BBN pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4

Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Perkara	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Surplus Terkumpul	1,119.75	1,084.77	34.98	3.2
2.	Jumlah Aset	1,618.93	1,658.09	39.16	2.4
3.	Aset Semasa Bersih	396.83	389.98	-6.85	-1.7
4.	Surplus Tahun Semasa	63.39	30.08	-33.31	-52.5

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.1.2. Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 mendapati 5 daripada 9 BBN telah mencatat surplus tahun semasa antara RM0.40 juta hingga RM22.35 juta. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah telah mencatat surplus paling tinggi pada tahun 2012 iaitu sejumlah RM22.35 juta hasil daripada peningkatan dalam Lain-Lain Pendapatan Operasi. Agensi BBN lain yang mencatat surplus tahun semasa adalah Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah iaitu berjumlah RM6.09 juta, Majlis Agama Islam Negeri Kedah berjumlah RM1.46 juta, Lembaga Maktab Mahmud berjumlah RM1.30 juta dan Perbadanan Perpustakaan Awam berjumlah RM0.40 juta.

10.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 mendapati 7 daripada 9 BBN berada dalam kedudukan stabil di mana Aset Semasa melebihi Liabiliti Semasa antara RM2.89 juta hingga RM172.64 juta. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mencatat Aset Semasa Bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM172.64 juta di mana Aset Semasa berjumlah RM346.66 juta berbanding Liabiliti Semasa yang berjumlah RM174.02 juta. Antara Aset Semasa yang tertinggi dimiliki oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah adalah Hartanah Pembangunan berjumlah RM119.16 juta dan Penghutang Dagangan berjumlah RM83.87 juta. Sementara itu, 2 BBN mengalami Liabiliti Semasa Bersih iaitu Majlis Sukan Negeri sejumlah RM0.42 juta dan Perbadanan Perpustakaan Awam sejumlah RM0.23 juta. Prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012**

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012			Lembaran Imbalan Pada 31 Disember 2012		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	123.76	101.41	22.35	346.66	174.02	172.64
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah*	9.36	8.96	0.40	0.74	0.97	-0.23
3.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah*	42.92	41.62	1.30	4.77	1.60	3.17
4.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah*	0.71	0.84	-0.13	2.91	0.02	2.89
5.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	4.69	4.96	-0.27	3.86	0.13	3.73
6.	Majlis Sukan Negeri Kedah	4.90	5.67	-0.77	0.13	0.55	-0.42
7.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	2.16	2.51	-0.35	36.10	0.03	36.07
8.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	105.80	99.71	6.09	144.57	3.53	141.04
9.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah*	8.37	6.91	1.46	35.03	3.95	31.08
Jumlah		302.67	272.59	30.08	574.77	184.80	389.97

Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota : Penyata Kewangan bertanda (*) telah diaudit.

10.5.2. Analisis Pendapatan

10.5.2.1. Pada akhir tahun 2012, pendapatan janaan sendiri yang diperolehi oleh 9 BBN ialah sejumlah RM239.78 juta berbanding RM244.55 juta pada tahun 2011. Analisis Audit mendapati penurunan pendapatan janaan sendiri BBN bagi tahun 2012 berbanding tahun 2011 terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dengan penurunan sejumlah RM3.85 juta atau 3.0%, Perbadanan Perpustakaan Awam dengan penurunan sejumlah RM0.44 juta atau 37.3%, Majlis Sukan Negeri dengan penurunan sejumlah RM0.07 juta atau 22.1%, Lembaga Biasiswa dengan penurunan sejumlah RM0.03 juta atau 5.4% dan Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah dengan penurunan sejumlah RM1.10 juta atau 1.0%.

10.5.2.2. Analisis Audit juga mendapati pendapatan janaan sendiri BBN yang menunjukkan peningkatan bagi tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah bagi Lembaga Maktab Mahmud dengan peningkatan sejumlah RM0.21 juta atau 10.7%, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid dengan peningkatan sejumlah RM0.04 juta atau 14.9%, Majlis Agama Islam Negeri Kedah dengan peningkatan sejumlah RM0.42 juta atau 8.60%, dan Lembaga Muzium dengan peningkatan sejumlah RM0.03 juta atau 3.2%.

10.5.2.3. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, BBN juga menerima geran/pemberian daripada Kerajaan serta sumbangan lain sejumlah RM62.90 juta pada tahun 2012 berbanding RM55.34 juta pada tahun 2011. Jumlah ini merupakan geran/pemberian mengurus bagi membantu BBN melaksanakan program serta aktivitinya. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran/pemberian yang diterima daripada kerajaan untuk BBN bagi tahun 2010 hingga tahun 2012 adalah seperti di **Carta 10.1**.



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.3. Kedudukan Surplus/Defisit Badan Berkanun Negeri

Pada keseluruhannya, BBN memperoleh surplus sejumlah RM30.08 juta pada tahun 2012, iaitu menurun sejumlah RM33.31 juta atau 52.5% berbanding RM63.39 juta pada tahun 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 10.6**.

Jadual 10.6
Kedudukan Surplus/Defisit Badan Berkanun Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	38.16	22.35	-15.81	-41.4
2.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	23.84	6.09	-17.75	-74.4
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah*	1.30	1.46	0.16	12.3
4.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah*	0.31	1.30	0.99	319.3
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah*	-0.17	0.40	0.57	335.3
6.	Lembaga Tabung Pegawai-pegawai Masjid*	-0.22	-0.13	0.09	40.9
7.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	0.34	-0.27	-0.61	-179.4
8.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	-0.19	-0.35	-0.16	-84.2
9.	Majlis Sukan Negeri Kedah	0.02	-0.77	-0.79	-3,950.0
Jumlah		63.39	30.08	-33.31	-52.5

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota : Penyata Kewangan bertanda (*) telah diaudit.

10.5.4. Analisis Kumpulan Wang Terkumpul

Kumpulan Wang Terkumpul bagi 9 BBN pada tahun 2012 adalah berjumlah RM1,215.54 juta iaitu peningkatan sejumlah RM35.20 juta atau 3.0% berbanding RM1,180.34 juta pada tahun 2011. Kumpulan wang Terkumpul terdiri daripada Kumpulan Wang Agensi, Bantuan/Geran Kerajaan, Rizab dan Surplus/Defisit Terkumpul semasa dan yang dibawa dari tahun sebelumnya. Analisis Audit mendapati Perubahan Kumpulan Wang bagi 9 BBN pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 terdiri daripada peningkatan terhadap surplus terkumpul dan rizab. Kumpulan Wang Terkumpul BBN pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 10.7**.

Jadual 10.7

Kumpulan Wang Terkumpul Agensi Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Nama Agensi	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	903.60	921.78	18.18	2.0
2.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	158.94	169.93	10.99	6.9
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah*	52.11	57.05	4.94	9.5
4.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	36.58	36.24	-0.34	-0.9
5.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah*	12.51	14.64	2.13	17.0
6.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	8.59	8.34	-0.25	-2.9
7.	Lembaga Tabung Pegawai-pegawai Masjid*	5.54	5.40	-0.14	-2.5
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah*	0.96	1.36	0.40	41.7
9.	Majlis Sukan Negeri Kedah	1.51	0.80	-0.71	-47.0
Jumlah		1,180.34	1,215.54	35.20	3.0


Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAIK

Nota: Penyata Kewangan bertanda (*) telah diaudit.

10.5.5. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2012, sebanyak 9 BBN memperolehi aset sejumlah RM1,657.95 juta berbanding RM1,618.91 juta pada tahun 2011 iaitu peningkatan sejumlah RM39.04 juta atau 2.4%. Daripada Jumlah Aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2012 adalah RM574.77 juta berbanding RM566.90 juta pada tahun 2011. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai Aset Semasa Bersih telah menurun sedikit daripada RM396.83 juta pada tahun 2011 kepada RM389.97 juta pada tahun 2012 iaitu penurunan sejumlah RM6.86 juta atau 1.7%. Tiga BBN telah mencatat peningkatan dalam Aset Semasa Bersih iaitu Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Perbadanan Perpustakaan Awam. Manakala 6 BBN lagi telah mencatat penurunan terhadap nilai Aset Semasa Bersih tahun 2012 berbanding tahun 2011. Peningkatan yang ketara berlaku di Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah iaitu peningkatan sejumlah RM11.22 juta kerana peningkatan dalam Simpanan Tunai Dan Bank. Aset semasa bersih PKNK mengalami penurunan tertinggi sejumlah RM19.45 juta. Peningkatan dan penurunan dalam aset semasa bersih bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Carta 10.2**.

Carta 10.2
Peningkatan/Penurunan Dalam Aset Semasa Bersih Badan Berkanun Negeri
Bagi Tahun 2011 dan 2012




Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: sehingga 12 Julai 2013

10.5.6. Analisis Pelaburan

10.5.6.1. Pada akhir tahun 2012, jumlah pelaburan bagi 8 BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Lembaga Muzium, Lembaga Biasiswa, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid, Lembaga Maktab Mahmud dan Perbadanan Perpustakaan Awam adalah RM717.68 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, saham amanah dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM1.51 juta atau 0.2% berbanding RM716.17 juta tahun 2011. Jenis Pelaburan bagi tahun 2012 adalah seperti **Carta 10.3**.

Carta 10.3
Jenis Pelaburan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: sehingga 12 Julai 2013

10.5.6.2. Analisis Audit berkaitan pelaburan mendapati Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mencatat pertambahan pelaburan tertinggi iaitu RM0.88 juta. Selain itu, pelaburan di 5 Agensi iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Lembaga Biasiswa, Lembaga Muzium, Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah dan Lembaga Maktab Mahmud juga telah mengalami peningkatan pada tahun 2012 antara RM0.01 juta hingga RM0.55 juta berbanding tahun 2011. Manakala pelaburan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid pula telah berkurang 4.8% iaitu daripada RM3.56 juta pada tahun 2011 kepada RM3.39 juta pada tahun 2012. Pelaburan BBN adalah seperti **Jadual 10.8**.

Jadual 10.8

Pelaburan Badan Berkanun Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Nama Agensi	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	561.52	562.40	0.88	0.2
2.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	108.9	108.11	0.02	0.0
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah*	31.92	32.47	0.55	1.7
4.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	6.91	7.00	0.09	1.3
5.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	3.61	3.74	0.13	3.6
6.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah*	3.56	3.39	-0.17	4.8
7.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah*	0.55	0.56	0.01	1.8
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah*	0.01	0.01	0.00	0.0
Jumlah		716.17	717.68	1.51	0.2

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

Nota : Penyata Kewangan bertanda (*) telah diaudit.

10.5.7. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2012, jumlah liabiliti bagi 9 BBN ialah RM183.80 juta berbanding RM170.07 juta pada tahun 2011 iaitu peningkatan sejumlah RM13.73 juta atau 8.1%. Dua daripada 9 BBN iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan Lembaga Biasiswa mengalami penurunan jumlah liabiliti, 1 BBN iaitu Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid tidak menunjukkan apa-apa perubahan dalam jumlah liabiliti. Manakala 6 BBN mengalami peningkatan liabiliti. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mengalami peningkatan liabiliti tertinggi iaitu sejumlah RM15.56 juta atau 9.8% disebabkan oleh pertambahan dalam pinjaman jangka pendek dan pinjaman Kerajaan Negeri serta peningkatan dalam lain-lain pemutang. Penurunan Liabiliti Majlis Agama Islam Negeri Kedah sejumlah RM2.57 juta atau 46.6% pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya kerana penurunan Pelbagai Pemutang dan Pertaruhan Am. Penurunan Liabiliti Lembaga Biasiswa sejumlah RM0.14 juta atau 82.4% adalah disebabkan oleh pengurangan pemutang. Kedudukan liabiliti BBN pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 10.9**.

Jadual 10.9
Liabiliti Badan Berkanun Negeri Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	158.46	174.02	15.56	9.8
2.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	3.39	3.53	0.14	4.1
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah*	5.52	2.95	-2.57	-46.6
4.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah*	1.24	1.60	0.36	29.0
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah*	0.85	0.97	0.12	14.1
6.	Majlis Sukan Negeri Kedah	0.34	0.55	0.12	27.9
7.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	0.08	0.13	0.05	62.5
8.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	0.17	0.03	-0.14	-82.4
9.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah*	0.02	0.02	0.00	0.0
Jumlah		170.07	183.80	13.73	8.1

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

Nota : Penyata Kewangan bertanda (*) telah diaudit.

10.5.8. Analisis Nisbah

Analisis kecairan dan kestabilan diukur melalui nisbah semasa, nisbah cepat, modal kerja, aliran tunai bersih dan nisbah hutang. Dua Agensi menunjukkan nisbah kecairan kurang daripada 2 iaitu menggambarkan BBN berkenaan tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Dua BBN iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam dan Majlis Sukan Negeri didapati tidak mempunyai modal kerja yang mencukupi. Empat BBN mempunyai kurangan aliran tunai bersih. Dua daripada 9 BBN menunjukkan 40% asetnya dibiayai oleh hutang. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan adalah seperti di **Jadual 10.10**.

Jadual 10.10**Analisis Kecairan Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012**

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	1.99	1.86	172.64	12.51	12.9
2.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	40.95	40.95	141.04	11.66	2.0
3.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	1,144.90	1,144.90	36.07	0.64	0.1
4.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah*	2.98	2.98	3.17	1.44	9.8
5.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	28.46	28.46	3.72	-0.14	1.6
6.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah*	174.45	174.45	2.89	-0.16	0.3
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah*	0.77	0.77	-0.22	0.27	41.5
8.	Majlis Sukan Negeri Kedah	0.24	0.24	-0.41	-0.29	40.5
9.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah*	8.86	8.86	31.07	-0.52	6.5

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota : Penyata Kewangan bertanda (*) telah diaudit.

10.5.9. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

10.5.9.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2012, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) melabur sejumlah RM93.12 juta dalam 24 anak syarikat dan 6 syarikat bersekutunya, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) melabur sejumlah RM0.35 juta dalam 2 anak syarikat dan Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) melabur sejumlah RM9.53 juta dalam 2 anak syarikat. Bilangan syarikat dan jumlah pelaburan yang dilakukan adalah seperti di **Jadual 10.11**.

Jadual 10.11**Analisis Pelaburan Dalam Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu**

Status Syarikat	Agenzi		
	PKNK	MAIK	YINK
Anak Syarikat (100%)	20	2	2
Anak Syarikat (>50%)	4	0	0
Syarikat Bersekutu (<50%)	6	0	0
Jumlah Syarikat	30	2	2
Pelaburan (RM Juta)	93.12	0.35	9.53

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

Nota: sehingga 12 Julai 2013

10.5.9.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 3 BBN telah melabur dalam 28 anak syarikat iaitu 16 anak syarikat berstatus aktif dan 12 berstatus dorman. Daripada 3 BBN, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 24 anak syarikat. Bagaimanapun, sebanyak 12 daripada 24 anak syarikatnya atau 50% adalah syarikat berstatus dorman manakala 2 anak syarikat Majlis Agama Islam Negeri Kedah dan 2 anak syarikat Yayasan Islam Negeri Kedah berstatus aktif. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dorman adalah seperti di **Jadual 10.12**.

Jadual 10.12
Bilangan Anak Syarikat Yang Aktif Dan Dorman Bagi Tahun 2012

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Bilangan Anak Syarikat (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
		Status Aktif	Status Dorman	Jumlah Syarikat
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	12	12	24
2.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	2	0	2
3.	Yayasan Islam Negeri Kedah	2	0	2
Jumlah		16	12	28

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

10.5.9.3. Analisis Surplus/Defisit Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2012, sebanyak 14 anak syarikat dan syarikat bersekutu di bawah 3 BBN telah mendapat surplus terkumpul berjumlah RM121.57 juta. Dari segi defisit terkumpul, analisis Audit mendapati 20 anak syarikat BBN telah menunjukkan defisit terkumpul berjumlah RM33.74 juta. Antara anak syarikat yang mempunyai surplus terkumpul tertinggi adalah Bina Darulaman Berhad iaitu anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah berjumlah RM37.51 juta. Selain itu, EUPE Development Sdn. Bhd. merupakan syarikat bersekutu kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah juga mempunyai surplus terkumpul berjumlah RM19.85 juta. Kedudukan surplus dan defisit terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2012 adalah seperti di **Jadual 10.13**.

Jadual 10.13
Kedudukan Surplus/Defisit Terkumpul Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Surplus Terkumpul		Defisit Terkumpul		Surplus/Defisit Terkumpul (RM Juta)
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	11	119.41	19	-29.63	89.78
2.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	2	0.83	0	0.00	0.83
3.	Yayasan Islam Negeri Kedah	1	1.33	1	-4.11	-2.78
Jumlah		14	121.57	20	-33.74	87.83

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri yang berkenaan hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dorman dan mengalami defisit terkumpul. Ini adalah untuk memastikan anak syarikat berdaya maju yang berterusan dan pelaburan dalam anak syarikat dapat memberi pulangan.

10.5.10. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.5.10.1. Sehingga 12 Julai 2013, Jabatan Audit Negara menerima penyata kewangan tahun 2012 hanya dari 5 Pihak Berkuasa Tempatan sahaja. 6 Pihak Berkuasa Tempatan lain masih belum mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2012 kerana perlu disahkan oleh Mesyuarat Penuh Majlis masing-masing. Bagaimanapun, mesyuarat berkenaan tidak diadakan berikutan arahan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah supaya Mesyuarat Penuh Majlis tidak dijalankan dalam tempoh pembubaran Dewan Undangan Negeri. Analisis terhadap 5 Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 mendapat 2 PBT mencatatkan surplus manakala 3 PBT mengalami defisit di mana Majlis Daerah Pendang mencatatkan surplus tertinggi iaitu RM5.32 juta. Analisis Audit terhadap Lembaran Imbangan pula mendapat kesemuanya mencatatkan nilai aset semasa bersih antara RM0.72 juta hingga RM75.34 juta. Majlis Perbandaran Sungai Petani mencatatkan aset semasa bersih tertinggi manakala Majlis Daerah Bandar Baharu mencatatkan aset semasa bersih terendah. Prestasi kewangan 5 PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti di **Jadual 10.14**.

Jadual 10.14

Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2012

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Pada 31 Disember 2012			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2012		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar	73.35	75.32	-1.97	54.78	49.16	5.62
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	57.63	54.25	3.38	123.28	47.94	75.34
3.	Majlis Daerah Pendang	12.24	6.92	5.32	10.03	1.31	8.72
4.	Majlis Daerah Padang Terap	4.75	5.06	-0.31	3.35	0.93	2.42
5.	Majlis Daerah Bandar Baharu	4.12	4.53	-0.41	1.76	1.04	0.72
Jumlah		152.09	146.08	6.01	193.20	100.38	92.82

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.5.10.2. Prestasi kewangan 5 PBT pada tahun 2012 menunjukkan surplus berjumlah RM6.01 juta. Ianya menurun sejumalah RM0.71 juta atau 10.6% berbanding surplus RM6.72 juta pada tahun 2011. Kedudukan surplus dan defisit 5 PBT tersebut adalah seperti di **Jadual 10.15**.

Jadual 10.15

Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2011 Surplus/Defisit (RM Juta)	2012 Surplus/Defisit (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Pendang	0.29	5.32	5.03	1,734.5
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	7.07	3.38	-3.69	-52.2
3.	Majlis Daerah Padang Terap	0.45	-0.31	-0.76	-168.9
4.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.06	-0.41	-0.47	-783.3
5.	Majlis Bandaraya Alor Setar	-1.15	-1.97	-0.82	71.3
Jumlah		6.72	6.01	-0.71	-10.6

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.5.10.3. Pada tahun 2012, Majlis Perbandaran Sungai Petani dan Majlis Daerah Pendang mencatatkan surplus berjumlah RM8.70 juta. Peningkatan surplus berjumlah RM5.03 juta yang dicatatkan oleh Majlis Daerah Pendang adalah disebabkan oleh geran dan pemberian Kerajaan bagi maksud perolehan aset tidak diambilkira dalam penyata pendapatan tahun 2011 dan tahun sebelumnya. Manakala Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Daerah Padang Terap dan Majlis Daerah Bandar Baharu mengalami defisit berjumlah RM2.69 juta.

10.5.10.4. Hasil Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2012, 5 PBT telah membelanjakan sejumlah RM146.08 juta untuk emolumen, pengangkutan dan perjalanan rasmi, perkhidmatan dan bekalan, penyenggaraan, perhubungan, utiliti dan lain-lain. Hasil utama PBT pula terdiri daripada cukai taksiran, sewaan, geran, pendapatan pelaburan dan lain-lain. Analisis Audit mendapati 5 PBT berkenaan memungut hasil berjumlah RM152.09 juta. Geran/Terimaan Kerajaan adalah berjumlah RM19.86 juta atau 13.1% daripada keseluruhan hasil yang diterima. Hasil 5 PBT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti di **Jadual 10.16**.

Jadual 10.16

Jenis Hasil Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Cukai Taksiran (RM Juta)	Faedah Pelaburan (RM Juta)	Sewaan (RM Juta)	Geran/Terimaan Kerajaan (RM Juta)	Pelbagai (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar	29.80	0.56	6.40	11.59	25.00	73.35
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	34.87	2.82	1.71	3.54	14.70	57.64
3.	Majlis Daerah Pendang	1.13	0.10	1.17	2.13	7.70	12.23
4.	Majlis Daerah Padang Terap	0.85	0.07	0.74	1.49	1.59	4.74
5.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.49	0.04	0.41	1.11	2.08	4.13
Jumlah		67.14	3.59	10.43	19.86	51.07	152.09

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.5.10.5. Aset Semasa Bersih

Semua PBT di Negeri Kedah mengamalkan perakaunan berdasarkan akruan. Oleh itu, nilai prabayar dan juga jumlah penghutang diambil kira di dalam penyediaan Lembaran Imbangan. Pada tahun 2012, nilai aset semasa 5 PBT adalah berjumlah RM193.20 juta. Ianya meningkat sejumlah RM0.04 juta berbanding tahun 2011 iaitu RM193.16 juta. Analisis Audit terhadap aset semasa PBT berbanding liabiliti semasa mendapati aset semasa bersih bagi 5 PBT berkenaan menurun sejumlah RM9.48 juta atau 9.3% iaitu dari RM102.30 juta pada tahun 2011 kepada RM92.82 juta pada tahun 2012. Butirannya adalah seperti di **Jadual 10.17**.

Jadual 10.17

Aset Semasa Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012

Bil.	PBT	Tahun 2011			Tahun 2012		
		Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar	53.92	46.57	7.35	54.78	49.16	5.62
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	123.25	40.95	82.30	123.28	47.94	75.34
3.	Majlis Daerah Pendang	10.17	1.31	8.86	10.03	1.31	8.72
4.	Majlis Daerah Padang Terap	3.67	1.01	2.66	3.35	0.93	2.42
5.	Majlis Daerah Bandar Baharu	2.15	1.02	1.13	1.76	1.04	0.72
Jumlah		193.16	90.86	102.30	193.20	100.38	92.82

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

10.5.10.6. Hasil Dan Tunggakan Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT. Ianya merupakan penyumbang utama kepada pendapatan sesebuah PBT. Harta pegangan yang dikenakan cukai taksiran adalah rumah kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik Kerajaan, kilang dan lain-lain. Sehingga akhir tahun 2012, sejumlah RM67.14 juta cukai taksiran telah dikutip oleh 5 PBT di Negeri Kedah iaitu meningkat sejumlah RM4.31 juta atau 6.9% berbanding tahun 2011. Jumlah cukai taksiran yang dikutip oleh 5 PBT pada tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Jadual 10.18**.

Jadual 10.18
Kutipan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan
Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	32.23	34.87	2.64	8.2
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	28.58	29.80	1.22	4.3
3.	Majlis Daerah Pendang	1.02	1.13	0.11	10.8
4.	Majlis Daerah Padang Terap	0.64	0.85	0.21	32.8
5.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.36	0.49	0.13	36.1
Jumlah		62.83	67.14	4.31	6.9

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

- b. Jumlah tunggakan cukai taksiran 5 PBT negeri Kedah telah meningkat sejumlah RM1.96 juta atau 3.3% iaitu daripada RM58.58 juta pada tahun 2011 menjadi RM60.54 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun, tunggakan cukai taksiran Majlis Bandaraya Alor Setar pada tahun 2012 menurun sebanyak 1.7% berbanding 4 PBT lain yang meningkat antara 7.8% hingga 25.4% berbanding tahun 2011. Tunggakan cukai taksiran bagi 5 PBT adalah seperti di **Jadual 10.19**.

Jadual 10.19
Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Pihak Berkuasa Tempatan
Pada Tahun 2012 Berbanding Tahun 2011

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	27.55	29.70	2.15	7.8
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	29.48	28.98	-0.50	-1.7
3.	Majlis Daerah Pendang	0.71	0.89	0.18	25.4
4.	Majlis Daerah Padang Terap	0.52	0.58	0.06	11.5
5.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.32	0.39	0.07	21.9
Jumlah		58.58	60.54	1.96	3.3

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

- c. Secara keseluruhannya, tunggakan cukai taksiran bagi 5 PBT menunjukkan peningkatan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Peningkatan tunggakan cukai yang dialami perlu diambil perhatian serius agar kedudukan kewangan Majlis berada di kedudukan yang terkawal. Antara sebab peningkatan tunggakan ini adalah sikap pemilik pegangan yang tidak prihatin dan kurang mengambil berat tanggungjawab untuk membayar cukai. Sehubungan itu, pihak Majlis perlu mengambil tindakan yang lebih serius untuk mengurangkan peningkatan tunggakan cukai taksiran seperti mengeluar dan menghantar notis tuntutan selepas tarikh genap bayaran, mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang, mengadakan kaunter bergerak dan menyita pegangan yang berkaitan.

10.6. SYOR AUDIT

10.6.1. Untuk memastikan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri bertambah kukuh, Badan Berkanun Negeri adalah disyorkan mengambil langkah seperti berikut:

10.6.1.1. Ketua Agensi Badan Berkanun Negeri perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti Agensi yang dapat menjana pendapatan Badan Berkanun Negeri.

10.6.1.2. Agensi yang mengalami defisit perlu mengamalkan perbelanjaan berhemat supaya pendapatan yang diperolehi dapat menampung perbelanjaan mengurus.

10.6.1.3. Ketua Agensi berkenaan perlu mengambil tindakan segera untuk membentangkan Penyata Kewangan yang telah diberi sijil Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri.

10.6.1.4. Bagi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri yang mengalami kerugian berterusan dan berstatus *dormant*, Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula kedudukan syarikat berkenaan sama ada untuk meneruskan operasi atau sebaliknya.

10.6.1.5. Lembaga Pengarah Syarikat di bawah Badan Berkanun Negeri hendaklah mewujudkan *Key Performance Indicator* untuk memantau prestasi anak syarikatnya supaya prinsip *going concern* syarikat yang terbabit dapat dikekalkan.

10.6.1.6. Anak syarikat Badan Berkanun Negeri hendaklah mengamalkan tadbir urus yang baik.

10.6.2. Untuk memastikan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bertambah kukuh, Pihak Berkuasa Tempatan adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

10.6.2.1. Pengurusan perolehan Majlis hendaklah sentiasa diperkemaskan agar peruntukan yang dibelanjakan untuk menyediakan kemudahan kepada penduduk adalah mencapai matlamat.

10.6.2.2. Bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menimbang langkah yang berkesan dan mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil bagi mengurangkan trend tuggakan cukai taksiran yang kian meningkat.



BAHAGIAN VI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

BAHAGIAN VI


PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2011 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 20 November 2012.

12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti awam di Jabatan dan Agensi Negeri. Selaras dengan peranan ini, Jawatankuasa perlu kerap bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, mengkaji isu-isu Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Negeri. Sehingga 27 Mei 2013, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kedah telah mengadakan mesyuarat sebanyak 1 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2010 dan 2011 pada 22 Januari 2013.



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, pencapaian penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2012 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2011 kerana Jabatan/Agensi Negeri telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem pemantauan berterusan, menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
31 Julai 2013



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 31 Disember 2012; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Af".
(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
27 Mei 2013



LAMPIRAN II


PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI KEDAH


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri Kedah

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2012.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah tahun 2012.


DATO' WIRA HAJI MOHD PUAT BIN HAJI MOHD ALI
DGMK.,DSBK.,AMN.,AMK.,BCK.,BPL.
Pegawai Kewangan Negeri Kedah
29 Januari 2013


ROSLAN BIN A.RAHMAN
Bendahari Negeri Kedah
29 Januari 2013

LAMPIRAN III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2012

	<u>Nota</u>	<u>2012</u>	<u>2011</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	108,058,190.29	193,227,407.43
PELABURAN	4	61,137,186.77	59,137,186.77
		<hr/> 169,195,377.06	<hr/> 252,364,594.20
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(334,466,358.21)	(295,842,920.35)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	27,534,092.70	36,186,840.91
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	476,127,642.57	512,020,673.64
		<hr/> 169,195,377.06	<hr/> 252,364,594.20

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAMPIRAN IV

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	<u>Nota</u>	<u>2012</u>	<u>RM</u>	<u>2011</u>	<u>RM</u>
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		227,423,755.75		258,924,082.50	
Hasil Bukan Cukai		59,867,341.63		56,411,100.10	
Terimaan Bukan Hasil		131,171,754.67	418,462,852.05	161,394,950.80	476,730,133.40
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		16,895,915.00		23,200,000.00	
Luar Negeri		0.00	16,895,915.00	0.00	23,200,000.00
Terimaan Modal	7				
Terimaan Balik Pinjaman		9,609,121.75		6,200,354.68	
Jualan Aset Modal		0.00		0.00	
Pelbagai Terimaan Modal		133,566,911.64	143,176,033.39	156,880,711.21	163,081,065.89
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		373,181,763.05	373,181,763.05	413,342,670.56	413,342,670.56
Jumlah Terimaan		<u>951,716,563.49</u>		<u>1,076,353,869.85</u>	

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	<u>Nota</u>	2012	RM	2011	RM
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		178,585,564.10		159,841,929.71	
Perkhidmatan dan Bekalan		111,948,649.08		106,788,939.75	
Aset		11,417,060.14		10,741,126.33	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		144,901,654.95		184,624,938.98	
Perbelanjaan Lain		<u>10,233,361.64</u>	457,086,289.91	<u>12,343,060.34</u>	474,339,995.11
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		222,331,324.31		215,318,071.32	
Pinjaman		<u>20,030,586.31</u>	242,361,910.62	<u>64,091,850.16</u>	279,409,921.48
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>2,000,000.00</u>	2,000,000.00	<u>4,000,000.00</u>	4,000,000.00
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		10,259,669.57		6,200,354.68	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	10,259,669.57	<u>0.00</u>	6,200,354.68
Bayaran Lain					
Akaun Amanah	7	<u>325,177,910.53</u>	325,177,910.53	<u>392,320,869.79</u>	392,320,869.79
Jumlah Bayaran			<u>1,036,885,780.63</u>		<u>1,156,271,141.06</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(85,169,217.14)		(79,917,271.21)
Wang Tunai Pada 1 Januari			193,227,407.43		273,144,678.64
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>108,058,190.29</u>		<u>193,227,407.43</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAMPIRAN V

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	<u>Nota</u>	<u>2012</u>		<u>2011</u>	
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
HASIL	5	550,837,720.00	418,462,852.05	476,730,133.40	
<i>Tolak:</i>					
Belanja Mengurus	5	589,799,805.37	457,086,289.91	474,339,995.11	
LEBIHAN HASIL		(38,962,085.37)	(38,623,437.86)	2,390,138.29	
<i>Tolak:</i>					
Belanja Pembangunan	7	438,030,130.00	242,361,910.62	279,409,921.48	
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(476,992,215.37)	(280,985,348.48)	(277,019,783.19)	
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:					
Pinjaman Dalam Negeri			6,636,245.43	16,999,645.32	
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		143,176,033.39	163,081,065.89	
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		131,173,069.66	96,939,071.98	
JUMLAH PEMBIAYAAN			280,985,348.48	277,019,783.19	

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAMPIRAN VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM pada 31 Disember 2012

	<u>Nota</u>	<u>2012</u>	<u>2011</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		354,286,704.85	363,895,826.59
Pelaburan		8,950,004.00	29,000,004.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		2,603,445,123.87	2,604,917,646.04
Pelbagai Liabiliti		0.00	25,000,000.00

Note-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAMPIRAN VII

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

DASAR DAN KAEADAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

- Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.
- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
 - b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlumbagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlumbagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
 - c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahan seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
 - d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
 - e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
 - f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia
 - g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
 - h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)* - *Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

